



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI  
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES



INSTITUT  
**KOPERASI**  
MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

INSTITUT  
KOPERASI  
MALAYSIA

2020  
[www.ikkm.edu.my](http://www.ikkm.edu.my)



# KANDUNGAN

Halaman **06**

PERUTUSAN  
MENTERI

Halaman **10**

PERUTUSAN PENERUSI  
LEMBAGA PENGARAH

Halaman **14**

KATA ALU-ALUAN  
KETUA PENGARAH

Halaman **18**

MAKLUMAT  
KORPORAT

Halaman **28**

LATAR  
BELAKANG IKM

Halaman **44**

LAPORAN  
PENCAPAIAN  
PEMBANGUNAN  
MODAL INSAN  
KOPERASI

Halaman **82**

ANAK  
SYARIKAT

Halaman **86**

GALERI

Halaman **92**

PENYATA  
KEWANGAN

Halaman **138**

HALA TUJU





# PERUTUSAN MENTERI



**IKMa harus  
menjadi agen  
pengimaran  
jiwa berkoperasi  
dalam kalangan  
masyarakat  
Malaysia.**



**YB TAN SRI NOH BIN  
HAJI OMAR**  
Menteri Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi  
(MEDAC)

**A**ssalamualaikum WBT dan salam sejahtera. Alhamdulillah, dengan keizinan Allah SWT, Laporan Tahunan IKMa 2020 berjaya diterbitkan. Tahnieh kepada Institut Koperasi Malaysia (IKMa) kerana telah berjaya menyempurnakan Laporan Tahunan 2020. Penerbitan ini adalah dokumentasi yang memaparkan pencapaian keseluruhan IKMa sepanjang tahun 2020 dengan pelbagai pengisian program dan aktiviti dilaksanakan dengan jayanya.

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar buat negara apabila dunia dilanda penularan wabak COVID-19. Ia telah menuntut cara kerja norma baharu yang mana cara bekerja, berfikir, bertindak dan berinteraksi perlu seiring situasi semasa. IKMa dilihat telah berjaya melakukan penghijrahan ke arah digitalisasi seiring dengan perkembangan teknologi masa kini. IKMa telah melaksana program-program berkaitan pembangunan koperasi secara dalam talian yang mana secara langsung menggerakkan sektor koperasi untuk turut melibatkan diri dalam program digitalisasi pada semua peringkat.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM) dan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) telah merangka strategi dalam usaha pemeraksanaan gerakan koperasi di Malaysia sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi Malaysia yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan. Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 telah menyasarkan sumbangan perolehan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM60 bilion menjelang tahun 2025 dan seterusnya RM100 bilion pada tahun 2030. Oleh yang demikian, IKMa berperanan dalam mewujudkan serta meningkatkan keupayaan modal insan koperasi melalui penerapan identiti, nilai dan prinsip koperasi dalam kalangan anggota dan Ahli Anggota Lembaga Koperasi (ALK), perkongsian ilmu perniagaan dan keusahawanan semasa serta penghasilan penyelidikan berimpak tinggi dan adaptasi teknologi terkini seperti yang dinyatakan dalam TransKoM dan Teras Strategik Ketiga DKN2030.

IKMa harus menjadi agen pengimaran jiwa berkoperasi dalam kalangan masyarakat Malaysia. Maka, program pendidikan dan latihan yang mampu melonjakkan pendapatan sesebuah koperasi perlu dilaksanakan bagi mentransformasikan gerakan koperasi menjadi peneraju kesejahteraan para anggota dan komuniti. Sudah tiba masanya gerakan koperasi ditransformasi menjadi instrumen utama bagi meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat dan antara pemacu utama sektor ekonomi negara.

Harapan saya semoga IKMa terus maju dan berinovatif dalam menyediakan program pendidikan dan latihan yang terkini sepertimana yang telah diterjemahkan di dalam Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM). Semoga kecemerlangan IKMa ini akan berterusan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada gerakan koperasi di Malaysia.

Sekian, terima kasih.



**YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR**

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)





INSTITUT  
**KOPERASI**  
MALAYSIA

# PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH



Institut Koperasi  
Malaysia (IKMa) telah  
menyahut seruan  
kerajaan supaya  
sektor koperasi juga  
berhijrah ke arah  
digitalisasi dalam  
memperkasa urusan  
pentadbiran dan  
kegiatan ekonomi  
yang dijalankan oleh  
koperasi.



**YBHG. DATUK WIRA (DR) ROSLI  
BIN MAT HASSAN**

Pengerusi Lembaga Pengarah  
Institut Koperasi Malaysia

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah berjaya melaksanakan sebahagian fungsi dan peranannya sepanjang tahun 2020. Catatan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) ini dizahirkan kepada masyarakat melalui penerbitan Laporan Tahunan 2020 agar pencapaian, maklumat, aktiviti serta berita disebalik setiap kejayaan dan kelemahan dapat dikongsikan bersama.

Pandemik COVID-19 yang berlaku di seluruh negara telah menyebabkan banyak negara mengenakan sekatan perjalanan dan kawalan pergerakan. Di Malaysia misalnya, sektor koperasi adalah salah satu sektor yang turut terkesan berikutan daripada penutupan sektor sokongan seperti peruncitan, pelancongan dan juga pengangkutan yang menyebabkan kebanyakan perniagaan tidak dapat beroperasi dan sekali gus menyebabkan mereka hilang punca pendapatan.

Namun demikian, sekiranya para koperator memanfaatkan sepenuhnya aplikasi digital dengan membina jalinan dan jaringan perniagaan, maka punca pendapatan mereka tidak begitu terkesan ekoran daripada krisis COVID-19 yang melanda pada masa kini. Justeru, adalah penting untuk mengkaji sejauh mana amalan dan penglibatan sektor koperasi menerusi aktiviti pemasaran digital dalam memperkasa norma baharu perniagaan di samping meninjau strategi perniagaan pasca COVID-19 pada masa depan.

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah menyahut seruan kerajaan supaya sektor koperasi juga berhijrah ke arah digitalisasi dalam memperkasa urusan pentadbiran dan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh koperasi.

Pendedahan dan bimbingan daripada Institut Koperasi Malaysia (IKMa) ini bakal memberikan impak yang besar kepada gerakan koperasi mengenai bagaimana teknologi IR4.0 ini dapat membantu koperasi memacu pertumbuhan perniagaan melalui teknologi terkini seiring dengan keperluan dan kehendak semasa.

Dengan segala inisiatif yang telah diambil oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) ini, saya percaya ianya berupaya membangunkan kapasiti modal insan koperasi bagi mencapai aspirasi kerajaan sekaligus membantu gerakan koperasi untuk menjadi penyumbang penting dalam pencapaian pembangunan dan ekonomi negara.



**DATUK WIRA (DR) ROSLI BIN MAT HASSAN**  
Pengerusi Lembaga Pengarah  
Institut Koperasi Malaysia





# **KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH**



**Gerakan koperasi  
pada hari ini  
adalah antara  
ejen pertumbuhan  
ekonomi negara dan  
menyokong aspirasi  
untuk menjadi  
sebuah negara yang  
maju dalam bidang  
usahawan**



**YBHG. DATUK MOHD ALI  
BIN MANSOR**  
Ketua Pengarah  
Institut Koperasi Malaysia

Syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Institut Koperasi Malaysia telah berjaya melaksanakan program dan kursus sepanjang tahun 2020 seperti yang telah dirancang. Penerbitan laporan tahunan ini adalah bertujuan bagi menyebarkan informasi berguna kepada semua dengan memaparkan prestasi serta pencapaian pelbagai aktiviti IKMa yang telah dilaksanakan sepanjang tahun lalu.

Institut Koperasi Malaysia hari ini dilihat tekad untuk memperkasakan pembangunan kapasiti modal insan, gerakan koperasi dengan memantapkan pengurusan dan pentadbirannya. Gerakan koperasi boleh membantu dalam pembangunan ekonomi negara yang menyasarkan pencapaian perolehan sektor koperasi sebanyak 60 bilion ringgit menjelang tahun 2025 dan seterusnya 100 bilion ringgit pada tahun 2030.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) telah merangka strategi dalam usaha mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik, kondusif dan inklusif termasuk pemerksaan gerakan koperasi bagi menyokong agenda pembangunan sosioekonomi negara. Dalam usaha melaksanakan hala tuju matlamat dan sasaran IKMa, penambahbaikan pengurusan dan pentadbiran perlu diusahakan sebagai nilai tambah kepada kualiti perkhidmatan terutama dalam situasi sukar yang melanda negara kita

Gerakan koperasi pada hari ini adalah antara ejen pertumbuhan ekonomi negara dan menyokong aspirasi untuk menjadi sebuah negara yang maju dalam bidang usahawan. Keperluan untuk melaksanakan transformasi secara menyeluruh perlu dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi kapasiti gerakan koperasi negara ini. Kaedah latihan kepada gerakan koperasi yang dijalankan secara bersemuka dan atas talian, secara turun padang terus ke koperasi yang disasarkan adalah antara *nature* utama. Alhamdulillah, sebanyak 481 kursus telah dijalankan melalui kaedah dalam talian dan bersemuka. Seramai 107,637 peserta telah menyertai kursus yang dijalankan sepanjang tahun lepas walaupun negara masih dilanda pandemik COVID-19. Daripada jumlah itu, seramai 82,394 peserta menyertai secara dalam talian manakala 25,243 secara bersemuka. IKMa telah berjaya menjalankan 63 kursus secara dalam talian dan 418 melalui kursus di IKMa dan zon di seluruh negara.

Selain kursus-kursus yang dijalankan secara dalam talian dan bersemuka, kaedah *mentoring* dan *coaching* kepada koperasi-koperasi juga dijalankan supaya ada kesinambungan hubungan dan sekaligus membantu meningkatkan prestasi koperasi. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada khidmat bakti kakitangan IKMa yang telah bertungkus lumus menjayakan visi dan misi yang telah ditetapkan.

IKMa perlu terus maju ke hadapan dan berinovatif dalam menyediakan program pendidikan dan latihan yang terkini sepertimana yang telah diterjemahkan di dalam Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021 – 2025 (TransKoM) yang telah dilancarkan. Bagi mendukung hasrat ini, seluruh warga kerja IKMa yang merupakan aset utama perlu bersama berganding bahu mencurahkan idea dan keringat bagi memastikan semua ini dapat dicapai dan menyokong fokus utama yang telah ditetapkan.

Syabas dan terima kasih diucapkan kepada semua di atas sokongan dan pandangan yang telah diberikan untuk memajukan lagi IKMa.

Terima kasih.



**DATUK MOHD ALI BIN MANSOR**

Ketua Pengarah

Institut Koperasi Malaysia





# MAKLUMAT KORPORAT

# Lembaga Pengarah



**1 YBhg. Datuk Wira Rosli bin Mat Hassan**  
Pengerusi Lembaga Pengarah IKM

**2 YBhg. Datuk Nordin bin Salleh**  
Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah IKM

**3 YBhg. Datuk Mohd Ali bin Mansor**  
Ketua Pengarah

# Lembaga Pengarah



**4** YBhg. Dato' Mohammad Radhi bin Abdul Razak  
Ahli Lembaga Pengarah

**5** YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Mat Nor  
Ahli Lembaga Pengarah

**6** YBrs. Tuan Haji Nasir Khan bin Yahaya  
Ahli Lembaga Pengarah

**7** YBrs. En. Abdul Razak bin Abu Bakar  
Ahli Lembaga Pengarah

**8** YBhg. Dato' Sri Mohd Amim bin A.Wahab  
Ahli Lembaga Pengarah

# Lembaga Pengarah



**9** **YBhg. Datuk Iskandar bin Abdul Malik**  
Ahli Lembaga Pengarah

**10** **YBhg. Encik Bastien bin Onn**  
Ahli Lembaga Pengarah

**11** **YBrs. Tuan Adhif Syan bin Abdullah**  
Ahli Lembaga Pengarah

**12** **YBrs. Dato' Hj. Yunus bin Rahmat**  
Ahli Lembaga Pengarah

**13** **YBhg. Encik Bobby Balang**  
Ahli Lembaga Pengarah

# Jawatankuasa Audit, Pematuhan Dan Risiko



**YBrs. Tuan Haji Nasir Khan bin Yahaya**  
Pengerusi



**YBhg. Dato' Zainal Abidin  
bin Mat Nor**



**YB. Tuan Adhif Syan bin  
Abdullah**



**YBrs. Encik Ahmad Rashidi  
bin Abu Hasim**

# Pengurusan Tertinggi



**Encik Mohd Zaib bin Mat Yunus**  
Timbalan Ketua Pengarah  
(Pembangunan Modal Insan)



**Datuk Mohd Ali bin Mansor**  
Ketua Pengarah (Jusa C)



**Puan Hamidah binti Mohd Jos**  
Timbalan Ketua Pengarah  
(Pengurusan)

## Bahagian



**Cik Sharina binti Abdullah**  
Pengarah Kanan  
Bahagian Dasar dan Strategi



**Puan Sri Datin Sri Noraesyah  
binti Saari**  
Pengarah Kanan  
Bahagian Keusahawanan  
dan Perniagaan



**Puan Najmah binti Nawawi**  
Pengarah Kanan  
Pusat Pendidikan Tinggi dan  
Pemantauan

## Pusat



**Puan Noor Zeeta binti Mohd Ramli**  
Pegawai  
Pusat Pembangunan Koperasi



**Puan Azlifah binti Abas**  
Pegawai  
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi



**Encik Mohamad Rasydi bin Abd Rashid**  
Pegawai  
Pusat Kewangan dan Akaun




**Encik Mohd Shahron Anuar bin Said**  
Pegawai  
Pusat Penyelidikan


## Zon



**Puan Siti Maimunah binti Jerni**  
Pegawai  
Zon Sarawak  
(Kuching, Sarawak)




**Puan Roziah binti Mohamed**  
Pegawai  
Zon Selatan  
(Johor Bahru, Johor)




**Puan Norbiha binti Kosmuri @ Kasmuri**  
Pegawai  
Zon Sabah  
(Kota Kinabalu, Sabah)



**Dr. Zurita binti Mohd Saleh**  
Pegawai  
Zon Utara  
(Alor Setar, Kedah)



**Puan Haslinda binti Sujak**  
Pegawai  
Zon Timur  
(Kuantan, Pahang)



**Encik Christopher John Baptist**  
Pegawai  
Zon Tengah  
(Petaling Jaya, Selangor)

# Pengurusan



**Puan Nor Azila binti Md Tauhid**  
Pegawai Pentadbiran



**Encik Shamsuri bin Salleh**  
Pegawai Kewangan dan Pembangunan



**Datin Seri Dato' Asmawati binti Ahmad**  
Pegawai Koperasi Korporat Unit Koperasi Korporat



**Puan Rosidah binti Rashid**  
Penolong Pegawai Kanan Unit Teknologi Maklumat



**Encik Abdul Razak bin Osman**  
Penolong Pegawai Kanan Unit Integriti



**Encik Mohd Zulkifli bin Sedik**  
Penolong Pegawai Kanan Unit Kewangan dan Perolehan



**Puan Afiza binti Abdul Karim**  
Penolong Pegawai Unit Tadbiran Am



**Encik Khairul Azmi bin Ismail**  
Ketua Audit Dalam Unit Audit Dalam



**Puan Wan Nur'ain binti Wan Abd Rahim**  
Penolong Pegawai Kanan Unit Pembangunan Modal Insan



**Encik Khairul Akmal bin Saim**  
Penolong Pegawai Kanan Unit Perkhidmatan Perpustakaan



**Puan Nor Azmawati binti Hj. Mohd Shafii**  
Penolong Pegawai Kanan Unit Pengurusan Sumber Manusia



**Encik Datu Zahiruddin bin Datu Tambuyong**  
Ketua Unit Fasiliti dan Sajian



**Encik Muhd Nursharul Azri bin Mubarak**  
Ketua Unit Penyenggaraan dan Kejuruteraan



# Evolusi

## Fasa 1 Penubuhan

**1956**

Program Latihan:  
Khusus kepada  
Pegawai, Penyelia &  
Pemimpin Koperasi

**1958**

Program Latihan:  
Berdasarkan  
Komuniti

**1968**

Status: Badan  
Berkanun  
Persekutuan

**1971**

Program:  
Diploma & Jalinan  
Antarabangsa

**1976**

Program Latihan:  
Kursus Pengurusan  
kepada Anggota  
Koperasi & Jabatan  
yang Menyelia  
Koperasi

## Fasa 2 Pembangunan Modul & Pelaksanaan Latihan & Pendidikan

**1981**

Program Diploma  
& Jalinan Program  
Kerjasama dengan  
Pertubuhan Buruh  
Antarabangsa (ILO/  
MATCOM)

**1981**

Penerbitan, Penyelidikan  
& Khidmat Nasihat

**1984**

Program: Sijil  
Pengurusan Koperasi &  
MTCP

**1991**

Program: Diploma  
Pengurusan Koperasi

**1994**

Program: Latihan /  
Antarabangsa

**1998**

Penubuhan: Cawangan  
Sabah & Sarawak

## Fasa 3 Pemantapan

**2003**

Program Latihan: Kursus Wajib (GP5)

**2008**

Program: Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran  
Perniagaan (Pengurusan Koperasi)

**2009 & 2010**

Penubuhan Zon Timur, Utara & Selatan

**2012**

Deklarasi Putrajaya

**2013**

Penubuhan anak syarikat (MKMGH)

**2016**

Penubuhan Zon Tengah

**2016**

Pengenalan Program Berasaskan Bidang  
Keberhasilan & Flagship

**2019**

Penjenamaan nama baharu daripada  
Maktab Koperasi Malaysia (MKM) kepada  
Institut Koperasi Malaysia (IKM)

Program MiRiCLE - Liga Koperasi Jutaan  
Ringgit



# Transformasi Penjenamaan

## Punca Kuasa

(Pemerbadanan) 1968 [Akta A1589] telah memperuntukkan IKM sebagai sebuah institusi yang berfungsi untuk membangun dan mengembangkan latihan dan pendidikan koperasi di negara ini.



Maktab Bekerja Sama-Sama Malaysia



Maktab Kerjasama Malaysia



1956

Pembiayaan: Colonial Welfare and Development Fund

1968

Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968 (Akta 437)

Pembiayaan: Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd)



Maktab Koperasi Malaysia



Institut Koperasi Malaysia (IKM)

2011

Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) Pindaan 2011 (Akta A1398)

Pembiayaan: Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd)

2019

Akta Institut Koperasi (Pemerbadanan) 1968 (Akta A1589)

IKM telah diwartakan pada 20 Mac 2019 dan secara rasminya telah diguna pakai secara rasminya bermula 16 Mei 2019 melalui pindaan Akta.



# LATAR BELAKANG IKM



## Sejarah Penubuhan

Institut Koperasi Malaysia (IKM) yang sebelum ini dikenali sebagai Maktab Kerjasama Malaysia dan Maktab Koperasi Malaysia merupakan satu-satunya pusat latihan koperasi di negara ini.

Ketika ditubuhkan pada tahun 1956, keperluan kewangannya dibiayai oleh Colonial Welfare and Development Fund, manakala kerajaan pula telah memberikan sumbangan yang amat besar bagi menggalakkan pembangunan IKM keseluruhannya.

Pada tahun 1968, IKM telah diiktiraf sebagai sebuah badan berkanun melalui Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968 yang diluluskan oleh Parlimen pada 11 September 1968. Sesuai dengan peredaran masa, Parlimen telah meluluskan Akta Institut Koperasi (Pemerbadanan) 1968 (Pindaan 2019) [Akta A1589] berkuat kuasa pada 5 Mei 2019 bertujuan untuk memperkemas tadbir urus IKM supaya dapat merancang dan menjalankan program yang inovatif dan kreatif bagi menyokong pembangunan gerakan koperasi.

IKM pernah diletakkan di bawah beberapa kementerian antaranya Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Mulai tahun 2009, IKM telah diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan kini IKM telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC).

# Fungsi

Menyediakan kursus pengajian koperasi dan bidang-bidang lain yang berkaitan dan menganugerahkan sijil atau diploma yang sesuai;



Menerbitkan atau membantu dalam penerbitan bahan yang berkaitan dengan koperasi atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya;

Membuat kaedah sebagaimana yang perlu bagi mengatur dan mengawal bayaran bagi mana-mana kursus pengajian sebagaimana yang difikirkan patut;



Menjalankan penyelidikan atas perkara berkaitan koperasi;

Menyediakan khidmat konsultasi;



Menjalankan kursus, penyelidikan, khidmat nasihat dan perkhidmatan berteraskan ilmu atau bersama-sama secara bergabung secara usaha sama atau selainnya dengan mana-mana institusi pengajian tinggi atau profesional atau mana-mana pertubuhan dalam dan luar negara; dan

Menasihati Menteri mengenai semua perkara yang berkaitan pembangunan modal insan koperasi.





# Visi dan Misi

## VISI

Ke arah kecemerlangan modal insan dan keusahawanan koperasi

## MISI

- Memacu pembangunan kapasiti modal insan dengan menerapkan identiti, nilai dan prinsip koperasi
- Membangunkan keusahawanan koperasi ke arah peningkatan sosioekonomi anggota melalui pembudayaan teknologi serta meneraju penyelidikan berimpak tinggi

## FOKUS UTAMA




# PIAGAM PELANGGAN

Kami berjanji untuk merancang dan melaksanakan program latihan dan pendidikan yang menepati keperluan pelanggan dengan:

1. Mengedarkan Buku Program dan Kalendar Kursus kepada pelanggan sebelum 31 Januari pada setiap tahun;
2. Mengeluarkan surat tawaran kursus dalam tempoh satu (1) minggu sebelum tarikh kursus.
3. Melaksanakan minimum 90 peratus daripada kursus yang dirancang setiap tahun;
4. Menghasilkan minimum sepuluh (10) keluaran penerbitan setahun;
5. Melaksanakan minimum lima puluh (50) khidmat konsultasi koperasi setahun;
6. Memastikan prasarana dan peralatan latihan berkeadaan baik untuk digunakan sehari sebelum kursus bermula;
7. Memastikan perkhidmatan perpustakaan dan fasiliti mendapat skor purata penilaian tidak kurang 4 dalam skala 1 hingga 5;
8. Memastikan penilaian penyampaian kursus mendapat skor purata penilaian tidak kurang daripada 4 dalam skala 1 hingga 5;
9. Memastikan penilaian kursus mendapat skor purata penilaian tidak kurang daripada 4 dalam skala 1 hingga 5; dan
10. Memberikan maklum balas terhadap setiap aduan dan pertanyaan dalam tempoh tidak lewat dari satu (1) hari bekerja.



# LOKASI



## Institut Koperasi Malaysia Kampus Induk / Zon Tengah

103, Jalan Templer  
46700 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-79649000  
Faks: 03-79570434 | 03-79543957 | 03-79579076  
E-mel: [ikkm@ikkm.edu.my](mailto:ikkm@ikkm.edu.my) | [tengah@ikkm.edu.my](mailto:tengah@ikkm.edu.my)  
Laman web: <http://www.ikkm.edu.my>

## Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan

No. 3, Jalan Padi Emas 1/8 Bandar Baru UDA  
81200 Johor Bahru  
Johor Darul Takzim  
Tel: 07-2075559  
Faks: 07-2342021  
E-mel: [selatan@ikkm.edu.my](mailto:selatan@ikkm.edu.my)

## Institut Koperasi Malaysia Zon Utara

No. 1515, Wisma KGMKB  
Jalan Tunku Ibrahim  
05000 Alor Setar  
Kedah Darul Aman  
Tel: 04-7337527  
Faks: 04-7337532  
E-mel: [utara@ikkm.edu.my](mailto:utara@ikkm.edu.my)

## Institut Koperasi Malaysia Zon Timur

Kompleks Inkubator Indera Mahkota 14,  
Bandar Indera Mahkota  
25200 Kuantan  
Pahang Darul Makmur  
Tel: 09-5732449  
Faks: 09-5732450  
E-mel: [timur@ikkm.edu.my](mailto:timur@ikkm.edu.my)

## Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah

Tingkat 5, Menara MAA Lorong 6, Api-Api 1  
88000 Kota Kinabalu,  
Sabah Tel: 088-240812  
Faks: 088-241802  
E-mel: [sabah@ikkm.edu.my](mailto:sabah@ikkm.edu.my)


## Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak


Wisma Segu,  
Lot 3593, Blok 14,  
Jalan Sultan Tengah  
93050 Petra Jaya Kuching,  
Sarawak  
Tel: 082-649407, 082-506408,  
082-649409  
Faks: 082-649405  
E-mel: [sarawak@ikkm.edu.my](mailto:sarawak@ikkm.edu.my)

## International Cooperative Entrepreneurship College

Cyberview 2, Lot 3410  
Jalan Teknorat 3 Cyber 4  
63000 Cyberjaya  
Selangor  
Tel: 03-83228863  
E-mel: [info@icoop.edu.my](mailto:info@icoop.edu.my)

# STRUKTUR ORGANISASI





# SUMBER MANUSIA

Perjawatan IKM yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sehingga akhir tahun 2020 adalah sebanyak 205 jawatan. Pecahan adalah seperti di Jadual 1.

## a) Penjawatan

**Jadual 1:** Pecahan Perjawatan IKM

Bil	Kumpulan	Jumlah
1.	Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA)	1
2.	Kumpulan Pengurusan dan Profesional	95
3.	Kumpulan Pelaksana I	85
4.	Kumpulan Pelaksana II	24
<b>Jumlah</b>		<b>205</b>

Sehingga 31 Disember 2020 sebanyak 199 jawatan telah diisi iaitu 143 jawatan di Ibu Pejabat, 16 jawatan di IKM Zon Sabah, 14 jawatan di IKM Zon Sarawak, 6 jawatan di IKM Zon Selatan, 7 jawatan di IKM Zon Utara, 6 jawatan di IKM Zon Timur, dan 7 jawatan di IKM Zon Tengah. Pecahan Pengisian jawatan adalah seperti di Jadual 2.

**Jadual 2:** Pengisian jawatan

Penempatan/ Kumpulan	Petaling Jaya	Zon Sabah	Zon Sarawak	Zon Selatan	Zon Utara	Zon Timur	Zon Tengah	Jumlah
JUSA	1	-	-	-	-	-	-	1
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	58	8	7	4	5	3	7	92
Kumpulan Pelaksana	84	8	7	2	2	3	0	106
<b>Jumlah</b>	<b>143</b>	<b>16</b>	<b>14</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>199</b>

## b) Latihan Kakitangan

Pada tahun 2020, pelbagai kategori latihan yang melibatkan dalam dan luar negara telah dijalankan untuk peningkatan skil dan kemahiran kakitangan IKM. Sebanyak 53 jenis latihan pelbagai bidang jangka pendek telah dihadiri oleh kakitangan IKM. Antaranya termasuk kursus dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, teknologi maklumat, komunikasi, pemasaran, kepimpinan, pengurusan sumber manusia, perakaunan, pengauditan, perundangan dan lain-lain lagi.

Latihan yang sistematik dan menepati keperluan tugas tersebut dapat menyediakan warga kerja yang berkeelayakan, berkebolehan, kompeten serta produktif, di samping dapat melengkapkan mereka dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian. Latihan juga dapat mewujudkan nilai cipta (value creation) dan nilai tambah (value added) di dalam jabatan serta menyediakan hala tuju kemajuan kerjaya anggota.

**Jadual 3:** Bilangan Kursus yang Dihadiri Mengikut Kumpulan



### c) Program Sangkutan/Penyelidikan

Tujuan mengadakan program sangkutan luar negara ialah untuk membina kapasiti tenaga kerja akademik melalui pertukaran maklumat dan kepakaran, program sangkutan, lawatan kerja dan lain-lain aktiviti berasaskan pengetahuan.

Program luar negara yang dilaksanakan lebih memberi fokus kepada menyetengahkan pegawai Akademik sebagai pakar rujuk bidang perkoperasian. Penglibatan mereka dalam bengkel/ seminar/ persidangan anjuran ICA - Asia Pasifik dan sebagai pasukan khidmat nasihat kepada gerakan koperasi luar negara perlu diperkasa dan diberi keutamaan selaras dengan sasaran peningkatan yang berimpak IKM ke arah sebuah Institut Koperasi Malaysia.

Pendedahan Pegawai Latihan IKM kepada aktiviti koperasi luar negara juga adalah salah satu cara untuk meningkat kepakaran mereka. Oleh itu, IKM telah berjaya mengatur dan menguruskan program sangkutan dengan koperasi-koperasi dan organisasi yang berkaitan di luar negara, ICA dan Training Based on MoU bagi pegawai-pegawai IKM. Di antara negara yang berkaitan ialah India, Thailand, Filipina, Jepun, Korea, Indonesia, Brunai, Mauritius, Rumania dan Dubai. Kebanyakan program luar negara yang dirancang telah dibatalkan berikutan situasi pandemik COVID-19.

IKM juga terlibat dalam penyertaan serta perbentangan kertas di program anjuran luar negara. Senarai peserta terlibat seperti berikut:

BIL	NEGARA/ PROGRAM/STATUS	PEGAWAI
<b>MALAYSIA</b>		
1.	Global Youth Forum Co-operative Entrepreneurship 2020 (GYF 2020) Penganjur: ICAAP Host: Angkasa 3 - 7 Februari 2020	En. Muhamad Afnan Hasim (Pegawai Latihan Gred E41)  Pn. Rina Fairuz Jahya (Pegawai Latihan Gred E41)
2.	The Cooperative Way: Health Cooperatives during COVID-19 and in times of crises (webinar) 17 Jun 2020 <i>(Dilaksanakan secara dalam talian)</i>	Jemputan kepada IKM dan anggota ICA

BIL	NEGARA/ PROGRAM/STATUS	PEGAWAI
3.	International Webinar on Cooperative Training and Education Remote Learning, EdTech & COVID-19, India 29 Julai 2020 <i>(Dilaksanakan secara dalam talian)</i>	Jemputan kepada IKM dan anggota ICA
4.	International Day of Cooperatives 2020 - COPAC Webinar - Together let's take climate action" ICA-EU partnership 9 Julai 2020 <i>(Dilaksanakan secara dalam talian)</i>	Jemputan kepada IKM dan anggota ICA
5.	DCSD E-forum Zoom meeting on "New Normal on Education: Students Preparedness for Incoming Academic Year" Polytechnic University of the Philippines College of Social Science and Development Manila, Filipina 6 Ogos 2020 <i>(Dilaksanakan secara dalam talian)</i>	Jemputan kepada warga IKM/anggota koperasi Malaysia/Filipina/anggota ICA/warga PUP
6.	Zoom invite: Virtual talk on youth engagement through entrepreneurship II Aug 12, 2020 10 Ogos 2020 <i>(Dilaksanakan secara Dalam Talian)</i>	Jemputan warga IKM/ koperasi/anggota ICA
7.	21 <sup>st</sup> Vaikunth Bhai Mehta Memorial Lecture by NABARD Chairman, Shri Govinda Rajulu Chintala on "Revival of Cooperative Structure with Technology and New Business Plan". 24 Ogos 2020 <i>(Dilaksanakan secara dalam talian)</i>	Jemputan warga IKM/ koperasi/anggota ICA
8.	Impact of COVID-19 on Education and Cooperatives in Educational Institutions in Asia and Pacific 5 November 2020 <i>(Dilaksanakan secara dalam talian)</i>	Jemputan warga IKM/ koperasi/anggota ICA
9.	The Co-operative Way: Health Cooperatives during COVID-19 and in times of crises (webinar) 17 Jun 2020 <i>(Dilaksanakan secara dalam talian)</i>	Jemputan warga IKM/ koperasi/anggota ICA

BIL	NEGARA/ PROGRAM/STATUS	PEGAWAI
10	International Webinar on Cooperative Training and Education Remote Learning, EdTech & COVID-19, India 29 Julai 2020 <i>(Dilaksanakan secara dalam talian)</i>	Jemputan warga IKM/ koperasi/anggota ICA
11.	Celebrating Cooperation: Sixty Years of ICA in Asia and the Pacific (webinar) 13 November 2020 <i>(Dilaksanakan secara dalam talian)</i>	Jemputan warga IKM/ koperasi/anggota ICA
<b>INDIA</b>		
12.	15 <sup>th</sup> ICA-AP Research Conference 17-18 Disember 2020 <i>(Dilaksanakan secara dalam talian)</i>	Pn. Norawati Ngatmin Pn. Shamsiah Syamsudin (Zon Sabah)
<b>FILIPINA</b>		
13.	Program kerjasama di antara Co-op <b>Program Bicara Ilmu</b> Tajuk: <i>Co-operative Amidst Pandemic: Challenge for Resilience and Making a Different</i> Kerjasama dengan (co-host): Co-operative Institute of Malaysia 17-18 November 2020 <i>(Dilaksanakan secara dalam talian)</i>	Peserta: Koperator dari Malaysia & Filipina, pelajar University Polytechnic of Philippines, Youth Co-op (KOSISMA), MTCP's alumni, The Union of Metro Manila Co-operative (UMMC)
14.	APEC 2020 SME Week 15 September 2020 <i>(Dilaksanakan secara Dalam Talian)</i>	Penyelaras Program CIC
15.	<b>FILIPINA</b> 17-18 November 2020	LOI untuk 2 program Bicara Ilmu secara atas talian. Polytechnic University of Philippine (PUP)



## PROGRAM BICARA ILMU & JALINAN KERJASAMA DI BAWAH PUSAT ANTARABANGSA & KOLABORASI

Bil	NEGARA/ TARIKH	NAMA PEGAWAI
1.	28 Oktober 2020	Bicara Ilmu online Tajuk <i>Building Resilience Co-Operative Game Plan In Crisis Time</i>
2	<b>FILIPINA</b> 17-18 November 2020 <i>(Dilaksanakan secara dalam talian)</i>	Title: Co-operative Movement in Quarantine: Fighting Against COVID-19 (collaboration program CIM v PUP host by University Polytechnic of the Philippine)






# LAPORAN PENCAPAIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN KOPERASI

# PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN KOPERASI

## PENGENALAN

Tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar kepada semua rakyat Malaysia berikutan dengan Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia diikuti pula dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa pada 18 Mac 2020. Pandemik ini telah membawa kepada gangguan sosioekonomi global di mana situasi ini juga telah mengubah persekitaran dan tadbir urus Koperasi di mana koperasi perlu mempraktik norma baharu bagi memastikan kelangsungan sektor koperasi.



## INTERGRATED TRAINING APPROACH

### PENDEKATAN SECARA BILIK KULIAH @ DALAM TALIAN

Latihan dan bimbingan diadakan secara bersemuka atau secara dalam talian.

### BENGGEL SUSULAN

Memperoleh maklum balas yang relevan untuk penambahbaikan dan untuk meninjau masalah koperasi yang berkaitan dengan pelaksanaan kursus tersebut.



### KAJIAN LAPANGAN

Pegawai Latihan IKMa 'turun padang' dengan melawat koperasi peserta yang telah menghadiri kursus IKMa untuk membuat tinjauan dan kajian impak kesan kursus itu kepada peserta dan kepada koperasi.

### KHIDMAT KONSULTASI

Khidmat bimbingan dan konsultasi diberikan jika didapati sesebuah koperasi itu masih menghadapi masalah setelah bengkel susulan diadakan.

# JENIS PROGRAM

## WAJIB

- Wajib 1 - Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi
- Wajib 2 - Pengurusan Kewangan Koperasi
- Wajib 3 - Pengurusan Strategik Koperasi
- Wajib JAD - Tatacara Pengauditan dan Perakaunan Koperasi

## PEMBUDAYAAN

- Konvensyen
- Seminar
- Bicara Ilmu
- Bicara Professional
- CEO Talk

## ASAS

- Bidang Keberhasilan (Hartanah & Industri Pembinaan, Perladangan & Asas Tani, Pembangunan & Peruncitan, Pelancongan, Penjagaan Diri & Kesihatan)
- Generik & Pengurusan (Koperasi, Kewangan & Perakaunan, ICT, Perniagaan, Komuniti)
- e-Ushawan

## PERTENGAHAN

- Kursus peringkat pertengahan mengikut bidang generik & pengurusan (Koperasi, Kewangan & Perakaunan, ICT, Perniagaan, Pengurusan)

## LANJUTAN

- Sijil
  - Pengurusan Koperasi
  - Kesetiausahaan Koperasi
  - Pengauditan Koperasi
  - Peruncitan
- Diploma Pengurusan Koperasi

## ANTARABANGSA

- MTCP
- ICA-AP
- Program Latihan (Brunei, Mauritius, Vietnam, Nigeria, Laos dll.)
- Khidmat nasihat: Mauritius, Fiji dll.

## AKTIVITI BERASASKAN PENGETAHUAN

- Penyelidikan
- Konsultasi
- Khidmat nasihat & bimbingan
- Kajian kes
- Penerbitan Ilmiah (Jurnal, Monograf, Majalah Dimensi KOOP)
- Buku (Siri pengurusan, kisah kejayaan koperasi dalam & luar negara)

# PENCAPAIAN KESELURUHAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

## Pencapaian Keseluruhan

Institut Koperasi Malaysia sebagai Pusat Latihan dan Bimbingan Koperasi di Malaysia perlu membantu sektor koperasi dalam mengharungi situasi yang mencabar ini dengan memberi latihan dan bimbingan yang bersesuaian serta bersasar. Isu utama yang dihadapi oleh sektor pendidikan dan latihan ialah mengehendakan pelaksanaan program latihan dan bimbingan secara bersemuka. Walau bagaimanapun, Pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah memberi keizinan untuk menjalankan seminar/bengkel/kursus/latihan/persidangan/ceramah secara bersemuka dan dalam talian mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan. Pelaksanaan Program Latihan IKM dapat memastikan peserta sentiasa diberi input berkenaan dengan keusahawanan koperasi serta dapat membantu peserta dalam perniagaan yang diceburi.

Bagi membuka tirai 2020, IKM telah melaksanakan Program Ke Arah Kemakmuran Bersama (KKB) di 20 lokasi seluruh Malaysia yang melibatkan seramai 6,146 peserta dengan pecahan 1,785 Anggota Lembaga Koperasi



(ALK), 1,100 anggota koperasi, 240 pengurus koperasi dan 3,021 lain-lain. Program promosi ini merupakan salah satu aktiviti tahunan yang dijalankan oleh IKM bagi menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan kepada gerakan koperasi dan orang awam. Hasil daripada pelaksanaan program ini, IKM dapat mengumpul data peserta yang berminat untuk menyertai program IKM yang akan datang serta IKM juga dapat mengumpul input untuk pembangunan dan penambahbaikan silibus pada masa akan datang melalui soal selidik yang dijalankan di akhir program.

Program Latihan dan Bimbingan IKM pada tahun 2020 berpaksi kepada lima Fokus Utama IKM iaitu:

### **1) Melonjakkan Pendapatan Koperasi (MiRiCLe)**

- Objektif :  
Meningkatkan pendapatan, profesionalisme dan kesejahteraan koperasi
- Kumpulan Sasaran:  
Koperasi dalam kluster mikro dan kecil

### **2) Membangunkan Keusahawanan Koperasi (COOP.Bizpreneur)**

- Objektif:
  - a) Membangunkan koperasi yang mempunyai perniagaan berimpak tinggi
  - b) Membangunkan anggota koperasi sebagai usahawan
- Kumpulan Sasaran:  
Koperasi atau anggota koperasi yang sedang dan akan menjalankan perniagaan dalam sektor berkenaan

### **3) Memperkasakan Digitalisasi Koperasi (C.O.D.E.)**

- Objektif:  
Mempertingkatkan pengetahuan & seterusnya mengaplikasikan digitalisasi dalam sektor koperasi & keusahawanan dengan memfokuskan kepada teknologi terkini, seiring dengan peredaran masa
- Kumpulan Sasaran:  
Koperasi kluster mikro dan kecil yang berpotensi

#### 4) Keusahawanan Sosial Koperasi (SE)

- Objektif:
  - a) Memberi pendedahan kepada peserta tentang konsep dan model keusahawanan sosial
  - b) Mendaftarkan koperasi untuk akreditasi asas perusahaan sosial
- Kumpulan Sasaran:

Koperasi yang berpotensi untuk diakreditasi asas perusahaan sosial

#### 5) Rejuvenasi Koperasi (ReJu)

- Objektif
  - a) Mengenal pasti profiling koperasi tidak aktif secara bersasar (kerjasama SKM)
  - b) Membimbing koperasi yang tidak aktif untuk diaktifkan semula
- Kumpulan Sasaran:

Koperasi yang disenarai pendek oleh SKM



Walaupun pada tahun 2020 latihan dan bimbingan yang dianjurkan oleh IKM adalah secara bersasar serta berfokuskan kepada lima Fokus Utama, IKM juga melaksanakan Kusus Wajib 1 (Pengurusan & Pentadbiran Koperasi), Kursus Wajib 2 (Pengurusan Kewangan), Kursus Wajib 3 (Pengurusan Strategik) dan Kursus Wajib JAD (Tatacara Pengauditan & Perakaunan Koperasi) selaras dengan Garis Panduan 5 (GP5) yang mewajibkan Anggota Lembaga Koperasi




menghadiri Kursus Wajib. Sebanyak 73 kursus telah dilaksanakan pada tahun 2020 dengan penyertaan seramai 3,139 peserta.

### PECAHAN KESELURUHAN PESERTA PROGRAM / KURSUS BAGI TAHUN 2020

TAHUN	2020		
KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM / KURSUS	BERSEMUKA	DALAM TALIAN	JUMLAH KESELURUHAN
JUMLAH PROGRAM / KURSUS	418	63	481 (103%)
JUMLAH PESERTA/ VIEWERS	25,243	82,394	107,637

- Jumlah Penyertaan Koperasi: 333 koperasi

#### PROGRAM DALAM TALIAN



IKM melaksanakan penilaian program mengikut Model Penilaian Kirkpatrick bermula dengan penilaian 1 iaitu untuk menilai tahap keberkesanan pelaksanaan program/kursus secara keseluruhan. Bagi menilai kefahaman peserta sebelum dan selepas kursus, penilaian tahap 2 iaitu pre and post-test dilaksanakan bagi mengetahui tahap kefahaman peserta mengenai topik program yang dijalankan terutamanya untuk kursus yang berjadual.

Kajian keberkesanan program (tahap 3) dilakukan dengan membuat penilaian dan pemerhatian di koperasi-koperasi peserta yang telah menghadiri program dan kebiasaannya akan dijalankan setelah enam bulan selepas peserta mengikuti sesuatu program di IKM khususnya untuk program latihan dan bimbingan secara bersasar kepada koperasi yang terpilih.

Melalui penilaian tahap 4, IKM dapat menilai impak sesuatu program yang dijalankan itu terhadap sesebuah koperasi, dengan mengukur peningkatan pendapatan peluang pekerjaan atau kepelbagaian aktiviti koperasi. Ini penting untuk memastikan semua program IKM relevan dengan kehendak dan keperluan semasa gerakan koperasi.

Pada tahun 2020, IKM juga telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan koperasi tetap diberikan latihan dan bimbingan walaupun dalam keadaan norma baharu. Inisiatif pertama ialah dengan memberikan latihan dan bimbingan secara percuma di mana IKM telah melaksanakan pengecualian kadar yuran kepada peserta Kursus Wajib yang diadakan dengan menggunakan platform VLMS di mana kadar yuran asal ialah RM50. Sepanjang tahun lepas seramai 567 peserta telah menyertai kursus tersebut.

Selain itu, IKM juga telah melaksanakan khidmat nasihat dan bimbingan secara percuma kepada koperasi yang terlibat dalam Program Melonjakkan Pendapatan Koperasi (MiRiCLe). Sepanjang tahun lepas sebanyak 18 sesi telah diadakan dengan melibatkan penyertaan seramai 30 koperasi dan 309 peserta.

IKM juga turut terlibat dengan program yang dianjurkan oleh kerajaan dalam membela nasib koperasi terjejas akibat daripada Pandemik COVID-19. Program Keusahawanan Koperasi merupakan program di bawah inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

Program ini merupakan inisiatif IKM untuk membantu koperasi di sektor yang terjejas untuk mengembangkan perniagaan baharu / alternatif melalui latihan serta mengekalkan operasi perniagaan koperasi dan memelihara pekerjaan. Sebanyak 60 koperasi disasarkan bagi mengikuti program ini yang meliputi empat sub program iaitu:



# Penyelidikan dan Penerbitan

## PENYELIDIKAN

Sebagai sebuah entiti yang bertanggungjawab menyebarkan ilmu pengetahuan koperasi melalui penyelidikan dan penerbitan, Pusat Penyelidikan (CR) Institut Koperasi Malaysia (IKM), sentiasa komited dalam usaha untuk memperkasakan bidang penyelidikan dan penerbitan yang berimpak serta berkualiti supaya ia selari dengan visi dan misi IKM bagi memenuhi keperluan dan permintaan komuniti koperasi dan pemegang taruhnya. CR bertanggungjawab dalam menggembeng serta menyelaraskan sumber-sumber secara optimum, menganalisis isu-isu semasa yang signifikan berkaitan gerakan koperasi, membuat penilaian, melaksanakan penyelidikan dan membekalkan sumber rujukan kepada koperasi agar ia dapat dimanfaatkan untuk penambahbaikan serta memberikan nilai tambah kepada gerakan koperasi amnya. Jadual 1 menyenaraikan penyelidikan yang telah dan sedang dilaksanakan untuk tahun 2019/2020.

**Jadual 1:** Senarai Penyelidikan Tahun 2019/2020

Bil.	TAJUK
TAHUN 2019/2020	
1.	Kajian Amalan Pengurusan Pengetahuan Koperasi Kluster Sederhana di Malaysia
2.	Kajian Faktor-faktor Mempengaruhi Prestasi Ar-Rahnu Koperasi di Malaysia
3.	Kajian Analisis Faktor Kritikal Kejayaan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) Negeri Sarawak
4.	Kajian Penilaian Koperasi - Koperasi di bawah "Gabungan Koperasi Pasar Tani Malaysia"
5.	Kajian Penglibatan Belia dalam Aktiviti Keusahawanan Koperasi Siswa (KOSISWA)
6.	Kajian Penilaian Pembiayaan Peribadi Anggota Koperasi
7.	Kajian Penglibatan Koperasi dalam Perniagaan <i>Online</i> di Malaysia
KAJIAN JANGKA PENDEK	
8.	Kajian Isu dan Cabaran Koperasi Wanita di Malaysia
9.	Kajian Faktor Penerimaan Koperasi untuk Mengaplikasikan Digitalisasi dan Hubung Kait terhadap Prestasi Koperasi

## Penyelidikan

'Mengukuh dan memantapkan aktiviti penyelidikan serta meningkatkan output penyelidikan yang berkualiti khusus dalam konteks koperasi'.

### Pembangunan Aktiviti Penyelidikan

- Penyelidikan berasaskan pengetahuan
- Kaji selidik sektor koperasi
- Kajian kes

### Perkongsian Dapatan Kajian

- Penerbitan
- Pembentangan luar negara (dalam talian)
- Bengkel susulan

Sepanjang tahun 2020, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Pusat Penyelidikan (CR) bagi membudayakan penghasilan penyelidikan koperasi yang berkualiti dalam kalangan Pegawai Latihan IKM. Antara inisiatif yang diambil adalah:

- a. Menggalakkan Pegawai Latihan hadir ke seminar, kolokium, bengkel penyelidikan anjuran institusi atau pusat penyelidikan awam atau swasta.
- b. Melantik penyelidik luar yang mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan.
- c. Melantik pakar rujuk untuk membimbing kumpulan penyelidik dalam aspek metodologi.
- d. Menjalinkan kerjasama dengan pemegang taruh dalam melaksanakan penyelidikan misalnya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), FAMA dan Universiti.

## PENERBITAN

Pusat Penyelidikan juga bertanggungjawab untuk mengurus, menyelaraskan, serta memantau penulisan ilmiah IKM bagi memastikan penerbitan tahunan dibuat secara berkesan dan efektif. Koleksi ilmiah adalah termasuk jurnal, kajian kes penyelesaian masalah, kisah kejayaan, monograf penyelidikan dan siri pengurusan.

### a. Malaysian Journal of Co-operative Studies (MJCS)

Malaysian Journal of Co-operative Studies (MJCS) merupakan jurnal ilmiah yang diterbitkan sekali setiap tahun oleh IKM sejak tahun 2005 dan kini mempunyai sebanyak 16 keluaran. Sebanyak lapan artikel jurnal diterbitkan dalam keluaran MJCS Vol. 16/2020.

**Jadual 2:** Senarai Artikel Jurnal Penerbitan MJCS Vol.16/2020

BIL.	TAJUK ARTIKEL
1.	Managing Member's Citizenship Behaviour: A Value Co-creation Dimension in Cooperatives and its Relationship View
2.	A Community Based Tourism Through Co-operative in Sabah Malaysia: Case of Koperasi Walai Tokou Kundasang Berhad (KOPSTAY)
3.	Entrepreneurial Orientation and Co-operative Principle on Co-operative Performance in Malaysia: A Conceptual Framework
4.	Ciri-ciri Utama yang Mempengaruhi Amalan Pusat Pengedaran Koperasi di Malaysia
5.	Faktor-faktor Penentu Kepada Peningkatan Prestasi Perniagaan Koperasi Sekolah: Satu Kajian Kes Perniagaan Koperasi Sekolah di Sabah
6.	Cooperatives' Membership on the Wellbeing of Farmers: An Empirical Evidence, Based on Interest-Free Tractor Scheme for Barani Areas, From District Narowal, Pakistan
7.	Amalan Pengurusan Pengetahuan di Koperasi Kluster Sederhana di Malaysia: Satu Kerangka Konseptual
8.	Sumbangan Koperasi Felda kepada Anggota

**b. Kajian Kes**

Sebanyak 11 kajian kes dalam bentuk artikel diterbitkan dalam Kisah Kejayaan Koperasi Dalam dan Luar Negara Jilid 9. Penerbitan kisah kejayaan ini adalah kompilasi penulisan Pegawai Latihan yang telah menjalani program latihan dan sangkutan di koperasi dalam dan luar negara yang terpilih dalam bidang pelancongan dan pertanian.

BIL.	TAJUK
1.	Koperasi Smilian Felten Johor Berhad: Sahut Cabaran Ceburi Aktiviti Pelancongan
2.	Koperasi Warga Universiti Sains Malaysia Kelantan Berhad: Peneraju Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan
3.	Argyll and The Isles Tourism Co-operative Ltd (AITC), Scotland
4.	Valio Limited: Pengeluar Produk Tenusu yang Berjaya

BIL.	TAJUK
5.	Agri Pia Iga: Persatuan Wanita Koperasi Pertanian di Jepun
6.	Dasar Mesra Tani: Manfaat ke atas Koperasi Pertanian di Jepun
7.	Penghasilan Produk Pertanian Berkualiti Tinggi Menerusi R&D: Koperasi Pertanian Jepun
8.	JA Ashin
9.	Yasutomi Farm Inc: Koperasi Tenusu di Okayama
10.	JA Hyogo Minami
11.	Program Bimbingan Pertanian Hyogo Prefecture

### c. Buku

Satu monograf penyelidikan bertajuk Analisis Keperluan Latihan Pengurus Koperasi telah diterbitkan pada tahun 2020.



# Program Antarabangsa

Institut Koperasi Malaysia di bawah Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi dipertanggungjawabkan bagi menyelaraskan program-program peringkat antarabangsa, menyelaraskan program jalinan kerjasama MoU di antara IKM dan agensi, institusi koperasi serta koperasi dalam atau luar negara dan menyelaraskan jalinan kerjasama MoU di peringkat kementerian serta kementerian yang menyelia koperasi di luar negara.

Dalam tahun 2020, Pusat Antarabangsa & Kolaborasi telah menjadualkan beberapa program antarabangsa khususnya untuk pegawai latihan Institut Koperasi Malaysia. Program antarabangsa yang diatur seperti program latihan luar negara, program di bawah International Co-operative Alliance (ICA), program latihan, program pembentangan kertas kerja dan pembentangan kertas penyelidikan. Menyedari kepentingan jaringan kerjasama dan hubungan dengan gerakan koperasi di peringkat antarabangsa, Pusat ini telah diamanahkan untuk memberi tumpuan khusus dalam usaha menjalinkan kerjasama dan hubungan IKM dengan gerakan koperasi di peringkat antarabangsa mahupun dalam negara.

Selain itu, fokus program luar negara kini adalah lebih kepada mengetengahkan pegawai akademik sebagai pakar rujukan bidang perkoperasian. Justeru, penglibatan mereka dalam bengkel/seminar/persidangan anjuran ICA - Asia Pasifik dan sebagai pasukan khidmat nasihat kepada gerakan koperasi luar negara perlu diperkasa dan diberi keutamaan.

Program antarabangsa yang diatur sebelum ini, melibatkan program bersemuka telah dibatalkan seperti program latihan luar negara, program di bawah International Co-operative Alliance (ICA), program lawatan kerja, program Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP), program pembentangan kertas kerja dan pembentangan kertas penyelidikan.

Keadaan ini kerana, dunia telah dilanda dengan penularan wabak COVID-19 dan telah menjadi wabak pandemik, Malaysia juga tidak terkecuali. Justeru itu, kebanyakan program yang dijalankan secara bersemuka tidak dapat dijalankan dan beberapa program telah ditukarkan kepada mod dalam talian. Tambahan pula, pintu sempadan negara juga telah ditutup, keadaan ini mengakibatkan semua program yang melibatkan lawatan ke luar negara telah dibatalkan atas arahan kerajaan setelah mendapat pandangan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

BIL	TARIKH/TEMPAT	PROGRAM / NEGARA	PENGANJUR
<b>A. PROGRAM ICA (dalam talian)</b>			
1.	3 - 7 Februari 2020	Global Youth Forum Co-operative Entrepreneurship 2020 (GYF 2020) Kuching, Sarawak, Malaysia	ICA
2.	17 Jun 2020	The Co-operative Way: Health Cooperatives during COVID-19 and in times of crises (webinar)	ICA-AP
3.	29 Julai 2020	International Webinar on Cooperative Training and Education Remote Learning, EdTech & COVID-19, India	ICA-AP
4.	9 Julai 2020	International Day of Cooperatives 2020 - COPAC Webinar –Together let's take climate action" ICA-EU partnership	ICA-EU partnership
5.	20 Julai 2020	Seminar Pembangunan Koperasi Peringkat Negeri Perlis. Program pemulihan ekonomi koperasi semasa perintah kawalan pergerakan pemulihan (PKPP)(ANGKASA)	ANGKASA
6.	6 Ogos 2020	DCSD E-forum Zoom meeting on "New Normal on Education: Students preparedness for incoming Academic Year"	Polytechnic University of the Philippines College of Social Science and Development Manila, Filipina
7.	10 Ogos 2020	Zoom invite: Virtual talk on youth engagement through entrepreneurship II Aug 12, 2020	ICA
8.	24 Ogos 2020	21 <sup>st</sup> Vaikunth Bhai Mehta Memorial Lecture by NABARD Chairman, Shri Govinda Rajulu Chintala on "Revival of Cooperative Structure with Technology and New Business Plan"	ICA-AP
9.	5 November 2020	Impact of COVID-19 on Education and Cooperatives in Educational Institutions in Asia and Pacific	ICA-AP
10	13 November 2020	Celebrating Cooperation: Sixty Years of ICA in Asia and the Pacific (webinar)	ICA-AP
<b>B. PEMBENTANGAN KERTAS PENYELIDIKAN DI LUAR NEGARA</b>			
11.	17 - 18 Disember 2020, Trivandrum Kerala, India	15 <sup>th</sup> ICA-AP Research Conference	ICA-AP



BIL	TARIKH/TEMPAT	PROGRAM / NEGARA	PENGANJUR
<b>C. PROGRAM KHIDMAT NASIHAT LUAR NEGARA</b>			
12.	Mauritius	National Co-operative College (MoU)	Penetapan tarikh menandatangani MoU pada suku pertama tahun 2021
13.	TBC/Fiji	Co-operative College, Fiji	Draf LOI telah diserahkan kepada pihak Fiji. Perlu perbincangan lanjut
14.	TBC/Vanuatu	Vanuatu Government	Masih dalam perbincangan
15.	LOI/Philippine	Polytechnic University of Philippine (PUP)	LOI untuk 2 program Bicara Ilmu secara atas talian.PUP/host 17-18 November 2020. CIM/host 2021TBC
16.	MOU/Philippine	Polytechnic University of Philippine (PUP) Asean Co-operative Organization (ACO)	Draf MOU masih dalam perbincangan
<b>D. PROGRAM BICARA ILMU &amp; JALINAN KERJASAMA DI BAWAH PUSAT ANTARABANGSA &amp; KOLABORASI</b>			
17.	28 Oktober 2020	Bicara Ilmu Secara Dalam Talian "Building Resilience Co-operative Game Plan in Crisis Time"	IKM
18.	17-18 November 2020	Bicara Ilmu Secara Dalam Talian "Co-operative Amidst Pandemic: Challenge for Resilience and making a different"	<i>collaboration program CIM v PUP host by University Polytechnic of the Philippine</i>
<b>E. PROGRAM JALINAN KERJASAMA DALAM NEGARA DI BAWAH PUSAT ANTARABANGSA &amp; KOLABORASI</b>			
19.	MoU	Etiqa Takaful Berhad	Dalam perancangan
20.	MoU	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat	
21.	MoU	MYCC	
22.	MoU	IBFIM	

# PROGRAM MELONJAKKAN PENDAPATAN KOPERASI (MiRiCLe)

Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah menjalankan Perkhidmatan Perundingan bermula seawal tahun 2006. Program Perundingan ini adalah satu bentuk perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh IKM kepada koperasi dan usahawan bagi mendapatkan nasihat dan cadangan untuk menyelesaikan masalah dan memperoleh maklumat. Perkhidmatan Perundingan bererti aktiviti berbentuk khidmat bimbingan yang diberikan oleh IKM kepada pelanggan kepada koperasi. Hasil perundingan adalah dalam bentuk analisis, laporan dan kertas kerja. Keberkesanan khidmat bimbingan dinilai berdasarkan kepada kemajuan koperasi dari aspek kemajuan pengurusan dan peningkatan pendapatan. Program berbentuk *outreach* ini ditawarkan oleh Pusat dan Sektor yang beribu pejabat di Petaling Jaya dan kesemua Zon IKM.

Perkhidmatan Perundingan yang dijalankan oleh IKM terbahagi kepada dua. Pertama ialah Khidmat Nasihat/Bimbingan/Konsultasi yang diberikan kepada koperasi yang tidak terlibat dalam program MiRiCLe (Liga Koperasi Jutaan Ringgit) dan yang kedua ialah koperasi yang menyertai program MiRiCLe. Bagi Khidmat Nasihat kepada koperasi bukan MiRiCLe, ia hanya diberikan sekali sahaja kepada koperasi. Khidmat Bimbingan pula diberikan kepada koperasi bukan MiRiCLe beberapa kali dalam tempoh kurang dari satu tahun manakala Khidmat Konsultasi diberikan kepada koperasi bukan MiRiCLe beberapa kali dalam tempoh lebih dari satu tahun.


Bagi MiRiCLe pula, ia merupakan program baharu yang diperkenalkan pada tahun 2019. Program ini dijalankan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKM) dengan menggunakan kaedah turun padang bagi mengenal pasti isu dan permasalahan yang dihadapi koperasi. Program yang dijalankan secara bersasar kepada koperasi yang menyertainya dengan tujuan utama untuk meningkatkan pendapatan koperasi, meningkatkan profesionalisme ALK dan Pengurusan serta menyejahterakan koperasi. Program MiRiCLe yang berbentuk Pembangunan Modal Insan meliputi Pentadbiran Koperasi, Pengurusan Perniagaan, Perakaunan dan Kewangan, dan Teknologi Maklumat dijalankan oleh pihak Zon IKM. Program yang berbentuk Pembangunan Perniagaan pula dijalankan oleh pihak Sektor dan Pakar Industri yang dilantik oleh IKM.

Program MiRiCLe ini mengambil masa antara satu hingga tiga tahun bergantung kepada keperluan koperasi. Koperasi akan mendapat manfaat yang besar sekiranya mendapat

bimbingan khusus berkaitan Pembangunan Modal Insan dan Pembangunan Perniagaan mengikut keperluan koperasi. Berpaksikan kepada hasrat tersebut, Institut Koperasi Malaysia telah mengambil inisiatif memperkenalkan program bimbingan bersasar, Liga Koperasi Jutaan Ringgit atau lebih dikenali MiRiCLe ini yang turut dianggotai oleh koperasi kluster mikro, kecil dan sederhana yang berpotensi untuk membangun dengan lebih terancang melalui program yang dijalankan bersama koperasi.

### **KHIDMAT NASIHAT/BIMBINGAN/KONSULTASI KEPADA KOPERASI BUKAN MiRiCLe**

Terdapat juga khidmat nasihat/bimbingan/konsultasi yang diberikan kepada koperasi yang tidak menyertai MiRiCLe. Ia meliputi bidang pada Jadual 1.



### **BILANGAN KOPERASI YANG MENYERTAI MiRiCLe**


Secara keseluruhan, sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 134 buah koperasi telah bersetuju untuk terlibat dalam program ini. Pada peringkat awal, program turun padang dijalankan oleh Zon IKM untuk mengenal pasti koperasi yang berpotensi bagi mendapatkan maklumat berkaitan koperasi dan prestasi kewangannya. Selain itu, Zon juga akan mengenal pasti kesanggupan (willingness), kesediaan (readiness) dan keperluan koperasi untuk terlibat dalam program ini. Maklumat yang diperolehi akan dianalisis bagi melayakkan mereka menyertai program ini. Jadual 2 menunjukkan jumlah koperasi yang terlibat untuk tahun 2019 dan sehingga 31 Disember 2020 mengikut Zon.

**Jadual 2:** Aktiviti Turun Padang dan Bilangan Koperasi MiRiCLe Tahun 2019 dan 2020

BIL	ZON	SETUJU		JUMLAH TURUN PADANG
		2020	2019	
	Sabah	5	20	53
	Sarawak	7	17	56
	Timur	5	22	47
	Bahagian Keusahawanan & Perniagaan	2	-	5
	Selatan	10	13	42
	Utara	4	14	24
	Tengah	3	12	42
<b>JUMLAH</b>		<b>36</b>	<b>98</b>	<b>269</b>
		<b>134</b>		

### KLUSTER KOPERASI MiRiCLe

Pemilihan koperasi yang layak masuk dalam program ini dijalankan oleh Zon IKM. Daripada 134 buah koperasi yang bersetuju menyertai MiRiCLe, Jadual 3 adalah pecahan kluster koperasi yang terlibat.




### BILANGAN DAN IMPAK PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN MiRiCLe TAHUN 2020

Berikut adalah bilangan Program Pembangunan Modal Insan yang dijalankan bagi meningkatkan profesionalisme ALK dan Pengurusan koperasi untuk tahun 2020 (Jadual 4). Ia meliputi empat bidang iaitu Pengurusan Perniagaan, Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi, Perakaunan dan Kewangan serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi.



### BILANGAN DAN IMPAK PROGRAM PEMBANGUNAN PERNIAGAAN MiRiCLe TAHUN 2020

Berikut adalah bilangan Program Pembangunan Perniagaan yang dijalankan bagi meningkatkan pendapatan koperasi untuk tahun 2020 (Jadual 5). Ia meliputi lima (5) bidang iaitu Peruncitan dan Pemborongan, Pelancongan Penjagaan Diri dan Kesihatan, Hartanah, Penternakan dan Pertanian.



## JUMLAH PEMBIAYAAN DITERIMA KOPERASI MiRiCle DARIPADA SKM DAN BANK RAKYAT

IKM juga telah mengambil inisiatif untuk membantu koperasi MiRiCle dalam mendapatkan pembiayaan daripada Bank Rakyat dan TMP SKM bagi membantu koperasi mendapatkan modal kerja, meningkatkan daya tahan koperasi dan mengembangkan perniagaan koperasi. Jadual 6 ialah koperasi yang menerima pembiayaan daripada Bank Rakyat.

**Jadual 6:** Senarai Koperasi Menerima Pembiayaan Bank Rakyat

BIL	NAMA	STATUS	TARIKH LULUS / DITOLAK	JUMLAH (RM)
1.	Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Gugusan Sri Mendapat Melaka Berhad	Lulus	28/04/2020	300,000
2.	Koperasi Wawasan Rakyat Sabah Berhad	Lulus	13/05/2020	300,000
3.	Koperasi Penghulu Negeri Kelantan Berhad	Lulus	18/05/2020	80,000
4.	Koperasi Emas Tawau Sabah Berhad	Ditolak	05/06/2020	-
5.	Koperasi Pembangunan Tanah Sungei Kelayak Berhad	Lulus	23/06/2020	200,000
6.	Koperasi Peneroka Felda Sungai Sayong Kulaijaya Berhad	Lulus	26/06/2020	300,000
7.	Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad	Lulus	29/06/2020	300,000
8.	Koperasi Sri Sekawan Kulai Berhad	Lulus	03/07/2020	161,000
9.	Koperasi Padu Niaga Kota Kinabalu Berhad	Lulus	09/07/2020	64,000
10.	Koperasi Pembangunan Perkhidmatan Pelancongan Langkawi Berhad (K3P)	Lulus	12/08/2010	48,000
11.	Koperasi Bersatu Kampung Suasa Beaufort Berhad	Lulus	02/09/2020	180,000
12.	Koperasi Tunas Lada Jerantut Berhad	Lulus	07/09/2020	92,000
13.	Koperasi Pembangunan Insan Wilayah Utara Berhad (KOINSAN)	Lulus	28/09/2020	300,000
14.	Koperasi MMHE Pasir Gudang Berhad	Lulus	05/11/2020	300,000
15.	Koperasi Bimbingan Insan Pahang Berhad	Lulus	28/12/2020	300,000
<b>JUMLAH</b>				<b>2,925,000</b>

Berikut pula ialah koperasi yang menerima pembiayaan daripada Tabung Modal Pusingan (TMP) daripada SKM (Jadual 7).

**Jadual 7:** Status Koperasi Menerima Pembiayaan Tabung Modal Pusingan SKM

BIL	NAMA	STATUS	JUMLAH (RM)
1.	Koperasi Pembangunan Tanah Sungei Kelayak Berhad	Peringkat Sokongan SKM Negeri Sabah	5,000,000
2.	Koperasi Peneroka Felda Sungai Sayong Kulaijaya Berhad	Lulus	50,000
<b>JUMLAH</b>			<b>5,505,000</b>

Sebagai kesimpulannya, Khidmat Perundingan yang ditawarkan IKM amat penting dalam membantu koperasi menyelesaikan masalah dan memberi maklumat yang diperlukan oleh koperasi. Ia menggunakan kaedah turun padang dengan membantu koperasi menyelesaikan masalah secara berfokus dan bersasar selaras dengan keperluan mereka. Bidang Perundingan yang ditawarkan juga meliputi hampir semua bidang yang diperlukan seperti Pengurusan dan Tadbir Urus, Perniagaan, Perancangan Strategik dan lain-lain. Peningkatan permohonan dari tahun ke tahun menunjukkan Khidmat Perundingan ini amat penting bagi memastikan pengurusan dan tadbir urus yang baik diaplikasi di koperasi. Justeru, Khidmat Perundingan ini harus diperluaskan kepada gerakan koperasi agar dapat membantu mereka menyelesaikan masalah yang dialami.

Melalui program MiRiCLe pula koperasi yang terlibat boleh menjalankan tadbir urus dengan lebih cekap melalui meningkatkan kadar pematuhan terhadap perundangan yang diperuntukkan kepada mereka dari segi operasi, pengurusan dan dan perniagaan. Program ini diharap dapat membantu koperasi memulihkan kembali perniagaan terutamanya kepada koperasi yang telah terjejas akibat pandemik COVID-19 bagi mencapai matlamat penubuhannya ke arah peningkatan pendapatan koperasi seterusnya mewujudkan kesejahteraan yang lebih baik dalam kalangan anggota dan komuniti setempat. Melalui aspek perniagaan pula, objektif utama adalah untuk meningkatkan pendapatan bagi setiap aktiviti perniagaan yang dijalankan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan dalam kalangan anggota koperasi.

# MEMBANGUNKAN KEUSAHAWANAN KOPERASI (COOP.Bizpreneur)

## Hartanah dan Industri Pembinaan

Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan (COOP-SHIP) telah ditubuhkan pada tahun 2016 dan pada tahun 2020 diletakkan di bawah Bahagian Keusahawanan & Perniagaan IKM. Pendekatan program juga telah diubah mengikut keadaan semasa iaitu COOP-SHIP lebih menekankan kepada konsep 'turun padang' iaitu dengan mengadakan program atau bengkel mengikut keperluan koperasi.

Pandemik COVID-19 mendatangkan kesan langsung kepada ekosistem perniagaan dan kegiatan domestik. Gerakan koperasi juga terkesan secara langsung dengan situasi ini. Oleh yang demikian, COOP SHIP telah mengambil pendekatan untuk membantu koperasi yang terlibat di dalam industri hartanah dan pembinaan dengan mengadakan perbincangan untuk mendapatkan informasi mengenai masalah koperasi pada masa pandemik ini.

Berikut merupakan bengkel-bengkel yang telah ditawarkan oleh COOP-SHIP sepanjang tahun 2020:







Bengkel Kajian Kemungkinan Pembangunan Hartanah KOGUWAM



Kursus Potensi dan Peluang dalam Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan



Bengkel Pemasaran & Produk Hartanah KOINSAF



Bengkel Pemasaran & Produk Hartanah KOWAMAN



Bengkel Potensi & Peluang Dalam Sektor Hartanah



Bengkel Potensi & Peluang dalam Sektor Hartanah KOGUPA

# Pemborongan dan Peruncitan

Sektor Pemborongan dan Peruncitan IKM atau lebih dikenali sebagai Co-operative Retail Ace IKM (Singkatan CO-OP RACE IKM) menawarkan khidmat nasihat, latihan serta bimbingan khusus kepada pembangunan perniagaan bagi aktiviti Pemborongan (Trading), Peruncitan (Retail) dan Perkhidmatan (Service) yang merangkumi 30 peratus teori dan 70 peratus praktikal.


Awal tahun 2020, Pandemik COVID-19 telah memberi cabaran dan kejutan buat gerakan koperasi kerana teruji dalam kelangsungan dan kesiapsiagaan perniagaan bagi mendepani krisis luar jangka. Tindakan proaktif COOP-RACE IKM bagi memmanifestasikan “Mengambil Tahu Untuk Membantu” telah dilakukan dengan penyelarasan segera bengkel maya melalui aplikasi Zoom, video call Whatsapp, Google Meet dan panggilan telefon kepada koperasi-koperasi bimbingan yang terkesan setiap hari; dan ada juga koperasi yang telah bertindak dengan menukarkan model perniagaan asal kepada peruncitan memandangkan penjana pendapatan bagi aktiviti bisnes di bawah pemborongan dan peruncitan khususnya kepada industri makanan dan perubatan melonjak tinggi bagi memenuhi keperluan asasi rakyat ketika itu. Isu berkaitan pembayaran gaji pekerja, kos operasi dan pembekalan stok barangan niaga merupakan tumpuan utama dalam pemberian khidmat nasihat kepada koperasi yang terjejas pendapatannya di awal permulaan pandemik; serta permulaan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan.

## PROGRAM COOPRACE 2020

<b>RACE: RETAIL ACE</b>	<b>FRESH: BARANGAN SEGAR</b>	<b>IMAGE: INVENTORY MANAGEMENT</b>
Jom Belajar Urus Bisnes Runcit	Jom Belajar Urus Bisnes Barangan Basah & Segar	Penjenamaan Kedai
Pengurusan Aliran Tunai dan Kewangan Kedai	Pengendalian Logistik Barangan Basah & Segar	Pembangunan Konsep dan Portfolio Barangan Niaga Kedai (Merchandising)
Strategi Perletakan Harga	Susun Atur, Peragaan dan Pembungkusan Barangan Basah & Segar	Strategi Susun Atur Barangan Niaga dan Peragaan Kedai (Planogram)
Pengurusan Sumber Manusia dan Insuran Kedai	Pengurusan Modal dan Aliran Tunai Bisnes Barangan Segar	Merekabentuk Pelan Lantai Kedai
Negosiasi & Kejurujualan	SOP: STANDARD OPERATING PROCEDURE Operasi Kedai	<b>SYSTEM POINT OF SALES (P.O.S)</b>
Jom Belajar Urus Bisnes Fesyen dan Pakaian	Operasi Pemborong	Modul Jualan dan Terimaan Tunai
Jom Belajar Urus Bisnes Dobi	Operasi OEM	Modul Inventori
	Operasi Gudang	Modul Tempahan dan Kewangan
		Penjana Barcode dan Item Code




Koperasi di bawah bimbingan pembangunan perniagaan COOP-RACE IKM telah mula mendapat rentak secara berfasa dan mampu mengadaptasi krisis dengan cepat hasil bimbingan dan latihan bersama Pakar Industri yang dilantik IKM (Subject Matter Expert). Sebanyak **56 buah program** telah berjaya dilaksanakan secara maya dan bersemuka pada tahun 2020 dan sehingga kini program masih diteruskan secara berfasa melalui pemantapan Strategi, Operasi, Kewangan dan Pelan Penambahbaikan (Process Improvement).



**KOOP PESERTA FELCRA PALOH BERHAD**

Penambahbaikan ke atas strategi tempohan dan pembekalan Air Mineral OEM milik Koperasi  
Penukaran Jenama Air Bumi kepada Springly



**KOOP SELANGKAH MAJU PULAU PINANG BERHAD**

Manambahbaik Pengendalian Jualan Barangan Basah Segar dengan mencipta barcode untuk dimasukkan dalam Sistem POS

Hasil dan *Outcome* bagi keseluruhan program yang dijalankan adalah **Penjanaaan Pendapatan** oleh koperasi (3% - 25%), **Pengembangan Perniagaan** Koperasi melalui Pembukaan Cawangan Baharu dan Pengkayaan Servis; dan juga **Pemantapan Pengetahuan dan Profesionalisme** koperasi dalam pengurusan serta pentadbiran berkaitan kecekapan operasi pemborongan dan peruncitan melalui penggunaan sistem dan teknologi yang terkini di kedai atau koperasi secara amnya. Program juga turut dijalankan secara sinergi antara agensi terutama bersama pihak SKM yang fokus membantu dalam pemberian bantuan berkaitan pembangunan; dan juga ANGKASA dalam pemantapan rantaian pembekalan.



**KOPERASI PEMBANGUNAN UMMAH KELANTAN BERHAD**

Pengiraan dan Penilaian Stok (Stock Take) yang menambah baik ketepatan kiraan stok daripada 50% kepada 93%



**KOPERASI MIRICLE**

Koperasi yang menjalankan aktiviti Borong & Runcit (MIRICLE) telah membangunkan SOP dan telah mempunyai SOP berkaitan Operasi Kuriel

# Pelancongan

Industri pelancongan adalah salah satu cabang bidang keberhasilan yang dilihat mampu memberi peluang kepada gerakan koperasi untuk berkongsi perolehan dengan industri. Sehubungan itu, pada tahun 2020, unit ini telah merancang program-program latihan dan pendidikan yang bertujuan untuk membimbing koperasi yang berminat atau sedang menceburi bidang dalam perniagaan ini bagi mendapatkan pengetahuan, maklumat dan kemahiran khusus mengenai bisnes tersebut. Program yang dilaksanakan pada tahun 2020 lebih bersasar kepada koperasi-koperasi yang sedang menjalankan bisnes berkaitan pelancong. Rata-rata, koperasi yang terlibat dengan bisnes pelancongan menawarkan perkhidmatan berbentuk Pengalaman Homestay Malaysia, hotel bajet, lodge dan agensi pelancongan.

Sungguhpun demikian, wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia termasuk negara Malaysia pada tahun 2020 telah menyebabkan kebanyakan program bagi bidang keberhasilan bisnes pelancongan terpaksa ditunda pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, bagi memastikan bisnes pelancongan yang dilaksanakan oleh koperasi terus berdaya saing, unit pelancongan telah melaksanakan Program Lonjakan Pendapatan Koperasi Pelancongan Post COVID-19 kepada 35 buah koperasi yang menjalankan bisnes berkaitan pelancongan. Objektif program ini adalah memastikan setiap koperasi dapat membangunkan laman web mereka sendiri yang berfungsi untuk mempromosikan segala bentuk bisnes pelancongan yang sedang mereka laksanakan. Laman web yang dibangunkan adalah berbentuk e-dagang yang membenarkan para pelanggan melaksanakan tempahan dan melakukan bayaran secara atas talian.

Berikut adalah senarai program yang dilaksanakan oleh unit Pelancongan sepanjang tahun 2020.

BIL	NAMA PROGRAM	JUMLAH PERBELANJAAN
<b>KURSUS ASAS BISNES PELANCONGAN</b>		
1.	Bengkel Penjenamaan Coop lodge	RM2,470.00
2.	Bengkel Persediaan Koperasi Dalam Bisnes Hotel Bajet	Dibiayai sepenuhnya oleh FELCRA
<b>PENGALAMAN HOMESTAY MALAYSIA</b>		
3.	Bengkel Penubuhan Homestay @ Koperasi Desa Lestari Kampung Bujang Kedah Bhd	RM300.00
4.	Persediaan Koperasi Dalam Bisnes Pelancongan	RM3,790.00

BIL	NAMA PROGRAM	JUMLAH PERBELANJAAN
5.	Bengkel Penubuhan Homestay @ Koperasi Setia Jaya Kampung Baru Pulau Redang Berhad	RM500.00
6.	Bengkel Homestay Makeover Fasa I @ Koperasi Setia Jaya Kampung Baru Pulau Redang Berhad	RM5,145.00
7.	Bengkel Homestay Makeover Fasa I @ Koperasi Komuniti Pelancongan Kampung Jawang Kuala Kangsar Perak Berhad	RM3,680.00
<b>LODGE</b>		
8.	Bengkel Pengurusan Rumah Tamu	RM6,500.00
<b>PROGRAM LONJAKAN PENDAPATAN KOPERASI PELANCONGAN POST COVID-19</b>		
9.	Bengkel Pembangunan Laman Web Koperasi Pelancongan Zon Timur 1	RM15,680.00
10.	Bengkel Pembangunan Laman Web Koperasi Pelancongan Zon Timur 2	RM33,611.00
11.	Bengkel Pembangunan Laman Web Koperasi Pelancongan Zon Tengah	RM23,720.00
12.	Bengkel Pembangunan Laman Web Koperasi Pelancongan Zon Selatan	RM30,521.00
13.	Bengkel Pembangunan Laman Web Koperasi Pelancongan Zon Utara	RM30,872.00
14.	Bengkel Pembangunan Laman Web Koperasi Pelancongan Zon Sabah	RM32,224.00
15.	Bengkel Pembangunan Laman Web Koperasi Pelancongan Zon Sarawak	RM31,410.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM213,363.00</b>

# Perladangan dan Asas Tani

Sektor Perladangan dan Asas Tani (SPAT) diwujudkan secara rasmi pada Januari 2016. SPAT diwujudkan bagi menyokong aspirasi gerakan koperasi dan Dasar Koperasi Negara 2011-2020 iaitu untuk memaju dan meningkatkan perolehan koperasi yang terlibat dengan sektor Perladangan dan Asas Tani. SPAT dipertanggungjawabkan untuk mengelola, menyelaraskan dan melaksanakan latihan, seminar dan konsultasi yang berkaitan dengan aktiviti perladangan (kelapa sawit), pertanian dan industri asas tani.

## Pencapaian dan Impak

### i. Pencapaian : Jumlah program yang dilaksanakan

BIL	PROGRAM	BILANGAN	JUMLAH PESERTA (ORANG)
<b>KURSUS</b>			
1.	Kursus Berjadual	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Pengurusan Ternakan Lembu Pedaging - 1</li> <li>✓ Pengurusan Ternakan Kambing Pedaging - 2</li> <li>✓ Penghasilan Makanan Ruminan - 1</li> </ul>	124
2.	Kursus Tidak Berjadual	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Bengkel Produk Hiliran Cendawan - 1</li> <li>✓ Penanaman Cendawan Tiram - 1</li> <li>✓ Penternakan Arnab Pedaging - 2</li> </ul>	71
<b>KONSULTASI</b>			
1.	MiRiCLe	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Bengkel Landskap</li> <li>✓ Pembenihan Ikan</li> <li>✓ Pengurusan Nanas</li> <li>✓ Bengkel Strategik, Bengkel Hala tuju</li> <li>✓ Perlaksanaan Projek Pertanian</li> </ul>	110
2.	Koperasi Bimbingan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Koperasi Muslimin Malaysia Berhad - Projek Fertigasi Fasa 1</li> <li>2. Pra penubuhan Koperasi-koperasi Usahawan Arnab Pedaging</li> </ol>	

## ii. Impak

Seramai 305 orang yang mewakili pelbagai koperasi di semenanjung telah menghadiri program anjuran Sektor Perladangan dan Asas Tani (SPAT) dalam tahun 2020. Walaupun menghadapi cabaran besar akibat kekangan pergerakan disebabkan COVID-19, namun ia berjaya menarik peserta untuk hadir.

Sehingga Mac 2021 iaitu selepas lebih enam bulan program dilaksanakan, terdapat seramai 15 peserta telah memulakan projek ternakan kambing dan lembu dengan minimum ternakan sebanyak lima ekor. Bukan itu sahaja, kursus ini juga telah mampu meningkatkan kemahiran 25 orang penternak sedia ada iaitu mereka yang telah memulakan ternakan secara kecil-kecilan mahupun skala sederhana.



Kursus Penghasilan Makanan Ruminan & Unggas (April 2020)



Bengkel Pengurusan Landskap (Oktober 2020)

Seramai 14 peserta telah hadir kursus Penghasilan Makanan Ruminan dan Unggas yang diadakan di Kuantan. Para peserta terdiri daripada wakil koperasi, individu berminat serta agensi kerajaan negeri yang terlibat dengan projek ternakan. Kesemua peserta merupakan mereka yang terlibat dalam bidang ternakan. Setakat pemantauan yang dibuat, kesemua peserta telah mampu menghasilkan makanan ternakan sendiri berdasarkan formula makanan yang diperolehi dari kursus ini.

Tujuh orang peserta bengkel penanaman cendawan telah memulakan projek penanaman cendawan.

Sebanyak lima program khas untuk koperasi MiRiCLe yang terlibat dengan aktiviti perladangan dan pertanian telah dilaksanakan oleh sektor ini. Program tersebut adalah Bengkel Pengurusan Landskap, Bengkel Pengurusan Ladang Nanas, Bengkel Pembenihan Ikan Air Tawar, Bengkel Tanaman Cili Fertigasi dan Bengkel Hala Tuju & Pelaksanaan Projek Pertanian.



Bengkel Tanaman Cili Fertigasi



Bengkel Pembenihan Ikan Air Tawar



Bengkel Produk Hiliran Cendawan



# MEMPERKASAKAN DIGITALISASI KOPERASI (C.O.D.E)

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan telah memberikan kesan negatif kepada perkembangan ekonomi dalam gerakan koperasi di seluruh negara. Pandemik Covid-19 yang mula melanda negara dan seluruh dunia umumnya telah mengubah persekitaran tadbir urus dan perniagaan koperasi secara menyeluruh. Koperasi perlu mempraktikkan norma baharu bagi kelangsungan tadbir urus dan perniagaan koperasi.

Sehubungan dengan itu, Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan program *Cooperative Digital Empowerment* atau nama ringkasnya C.O.D.E. Program C.O.D.E ini ialah sebuah program komprehensif yang telah dibangunkan khas untuk membantu koperasi untuk mengadaptasikan proses digitalisasi, penambahbaikan operasi dan perniagaan koperasi dalam persekitaran perniagaan dan tadbir urus yang baharu.

Sebanyak 27 buah koperasi telah ditemu bual dan 15 buah koperasi telah dipilih untuk menyertai program ini dari seluruh negara. Proses pemilihan ini penting bagi mengenal pasti koperasi yang berpotensi dengan metodologi dan kerangka kerja yang telah ditetapkan. Hal ini untuk memastikan bahawa hanya koperasi yang paling sesuai dapat memperoleh manfaat daripada program ini.

Koperasi yang telah dipilih untuk mengikuti program ini adalah seperti di bawah:

1. Koperasi Komuniti Kg. Kilim Langkawi Berhad
2. Koperasi Pembangunan Insan Wilayah Utara Berhad
3. Koperasi PNK Sri Muara Kuching Berhad
4. Koperasi Usahawan Utan Buluh Perlis Berhad
5. Koperasi Kakitangan Maktab Koperasi Malaysia Berhad
6. Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad
7. Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Gugusan Sri Mendapat Melaka Berhad
8. Koperasi Homestay Teluk Ketapang Terengganu
9. Koperasi IKBN Bukit Mertajam Berhad
10. Koperasi Tunas Lada Jerantut Berhad
11. Koperasi Usahawan Gading Mekar Lundu Berhad
12. Koperasi Groom BIG Kelantan Berhad
13. Koperasi Sangon Bau Berhad
14. Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad
15. Koperasi Desa Perdana Kemasik Kemaman Berhad


Program C.O.D.E ini bermula pada November 2020 dan berakhir pada Ogos 2021. Pelbagai modul telah diberikan sepanjang program ini berlangsung bagi memperkasakan digitalisasi dalam tadbir urus dan perniagaan koperasi. Hal ini termasuklah merangka kandungan digital, pemasaran di media sosial, perniagaan dalam talian, pengurusan kewangan, ramalan kewangan (*financial forecasting*), sistem pengurusan kualiti, pembangunan laman web (*e-commerce*), platform pembayaran dalam talian dan *Search Engine Optimizer* (SEO).

Program C.O.D.E telah membantu koperasi meneroka pasaran yang lebih luas melalui platform baharu khususnya dalam ekosistem digital. Jaminan kualiti terhadap produk perkhidmatan yang akan ditawarkan oleh koperasi akan digerakkan seiring dengan elemen digital dalam keseluruhan proses kerja dengan meneroka teknologi terkini. Program ini berusaha untuk memanfaatkan sepenuhnya platform (*deck*) perniagaan digital yang lebih mesra pengguna seperti Facebook, Youtube, Shopee Touch n Go e-Wallet dan Maybank MAE. Melalui program ini diharapkan pelanggan akan dapat mengetahui produk koperasi yang boleh diperolehi secara mudah dalam talian (*online presence*). Kesannya, jenama produk koperasi yang berada dalam talian lebih terkenal dan lebih dipercayai berbanding sebelum ini.

Terdapat 3 komponen utama dalam program ini iaitu Money, Market dan Mentor (3M).




Program ini dilaksanakan sebanyak 4 fasa. Keseluruhan fasa ini mengambil masa selama 9 bulan untuk diselesaikan oleh koperasi yang dipilih. Fasa - fasa tersebut adalah seperti di bawah:



Koperasi juga dilengkapi dengan peralatan digital (*tools*). Antara peralatan digital (*tools*) yang disediakan kepada koperasi terpilih ialah profil perniagaan digital, kad perniagaan, logo perniagaan koperasi, pengeditan perisian video (InVideo), sistem pengurusan koperasi dan fotografi.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya memperkasakan digitalisasi dalam gerakan koperasi seiring dengan norma baharu. IKM berharap agar koperasi-koperasi yang menyertai program ini akan dapat memanfaatkan sepenuhnya segala ilmu dan peralatan digital yang dibekalkan untuk kelangsungan perniagaan mereka.



Online Training - Zoom Meeting

Online Training - Zoom Meeting (Halnex)

Training bersama selebriti Kartini Ariffin

Training bersama selebriti Farah Fauzana



Produk PutraKop

Produk KOOPMKM

Produk Teluk Ketang



Laman web Koperasi Homestay Teluk Ketang Terengganu

Laman web Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad

Laman web Koperasi MRSM Batu Pahat Berhad



Laman web Koperasi Sangon Bau Berhad

Produk Koperasi Sangon


Laman web Koperasi Komuniti Kg. Kilim Langkawi Berhad


# KEUSAHAWANAN SOSIAL KOPERASI (SE)

Keusahawanan Sosial atau *Social Entrepreneurship* (SE) merupakan salah satu komponen yang cuba diperkasakan pelaksanaannya dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030). Dari segi definisi, Perusahaan Sosial merujuk kepada perniagaan yang didaftarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis di Malaysia yang menghasilkan impak sosial atau alam sekitar yang positif secara proaktif dan pada masa yang sama mempunyai kemampuan kewangan yang mampan. Tiga aspek utama yang membentuk sesebuah Perusahaan Sosial itu adalah wujudnya misi sosial/alam sekitar, adanya penerima manfaat dan juga model perniagaan yang jelas (Garis Panduan Akreditasi Perusahaan Sosial, MEDAC, 2019).

Koperasi jika diteliti, secara semula jadinya memiliki identiti sebagai sebuah organisasi SE. Walau bagaimanapun, tidak semua koperasi yang menepati kriteria sebagai organisasi SE ini. Dengan strategi untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang SE, disinilah peranan yang dimainkan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKM) dalam memastikan gerakan koperasi tidak tercicir bahkan menjadi pelengkap kepada ekosistem perniagaan yang inklusif ini. Justeru, IKM menggalas tanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti pembudayaan agar hebahan mengenai penglibatan dalam SE disampaikan seluas mungkin kepada gerakan koperasi di seluruh negara.

Sepanjang tempoh 2019-2020, beberapa program utama berkaitan SE telah dilaksanakan seperti berikut:





Sehingga 27 November 2020, 10 buah koperasi telah berdaftar sebagai Perusahaan Sosial Tahap Asas manakala Koperasi Ekonomi Rakyat Selangor Berhad merupakan koperasi pertama yang menerima persijilan Akreditasi Perusahaan Sosial.



# REJUVENASI KOPERASI (ReJU)

Program Rejuvenasi Koperasi yang diselenggarakan oleh Pusat Pembangunan Koperasi adalah bertujuan untuk mengaktifkan koperasi yang berkemampuan untuk dibangunkan dengan kerjasama koperasi yang telah dikenal pasti oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Program ini merupakan satu program yang mencabar kerana ia melibatkan koperasi di dalam kategori “koperasi tidak aktif” dan “koperasi dorman”. Walau bagaimanapun, pihak SKM dan ANGKASA akan menyenarai tapis koperasi yang berkemampuan untuk dipulihkan berdasarkan kekuatan dalaman koperasi tersebut.

Sebanyak 30 buah koperasi yang disenaraikan untuk program ini dengan menyasarkan sejumlah lima buah koperasi untuk diaktifkan semula. Kriteria yang perlu dipenuhi oleh koperasi untuk kembali aktif adalah berjaya menjalankan mesyuarat agung tahunan setelah menyiapkan akaun teraudit tahun semasa dan mempunyai perniagaan yang berdaya maju. Tempoh pelaksanaan program ini memakan masa di antara 1 tahun hingga 1½ tahun dengan melihat keadaan koperasi dan komitmen yang akan diberikan oleh Anggota Lembaga koperasi berdasarkan perancangan yang diatur oleh pegawai yang terlibat.

Mekanisme pelaksanaan program ini telah dilakukan melalui lawatan ke koperasi untuk melakukan diagnosis, *coaching & mentoring*, kursus bersemuka dan secara dalam talian serta pemantauan dan penilaian secara berkala. Akibat pandemik COVID-19 yang melanda menyebabkan berlakunya sekatan pergerakan untuk berjumpa dengan Lembaga koperasi yang terlibat. Sehingga Disember 2020, sebanyak 3 buah koperasi telah diaktifkan dengan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Berikut adalah senarai tiga buah koperasi yang telah berjaya diaktifkan semula:

1. Koperasi Pertubuhan Pemandu dan Pengusaha Teksi Limosin dan Kereta Sewa Selangor
2. Koperasi Penduduk Melayu Kg. Jawa Panchor Muar Berhad
3. Koperasi Kariah Masjid Nurul Yaqin Kundang Rawang Berhad

Program rejuvenasi koperasi ini memerlukan penglibatan yang serius daripada Lembaga koperasi sekiranya ingin memulihkan kembali koperasi yang berpotensi dan kemudiannya perlu diuar-uarkan kepada anggota-anggota untuk bersama-sama terlibat dalam proses pemulihan ini. Pihak IKM, SKM dan ANGKASA hanyalah sebagai pemudah cara untuk memberi panduan arah tuju koperasi tersebut.



Mesyuarat Agung Tahunan setelah program rejuvenasi



Lawatan ke Angkasa Johor



Program Turun Padang berjumpa dengan Lembaga Koperasi



Bengkel Program Rejuvenasi KOYAKIN



Perjumpaan bersama Lembaga Koperasi bagi Program Rejuvenasi



Perjumpaan bersama Lembaga Koperasi bagi Program Rejuvenasi







# ANAK SYARIKAT


# LAPORAN ANAK SYARIKAT

MKM Global Holdings Sdn. Bhd. (MKMGH) merupakan anak syarikat milik penuh Institusi Koperasi Malaysia (IKM) sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang telah diwujudkan sebagai cabang pelaburan untuk memberi tumpuan kepada pertumbuhan pendapatan IKM sekali gus memberi impak dan manfaat kepada ahli-ahlinya.

Penubuhan MKM Global Holdings Sdn. Bhd. adalah untuk menggenapkan aktiviti IKM sedia ada di mana jika IKM berperanan untuk memberi latihan jangka pendek kepada ahli-ahli koperasi sedia ada, maka MKM Global Holdings Sdn. Bhd. pula akan menjalankan perniagaan sebagai syarikat induk dan memperoleh syer dalam syarikat-syarikat lain bagi tujuan pelaburan dan keuntungan. Mengurus dan mengendalikan aktiviti latihan dan pendidikan, bertaraf antarabangsa yang merangkumi program Sijil, Diploma, Diploma Lanjutan, Sarjana Muda, Pasca Siswazah, Sarjana dan PhD dan Kursus-Kursus Profesional dan Jangka Pendek.


MKMGH juga menyediakan Khidmat perundangan, profesional, penyelidikan, pengiklanan, penterjemahan, percetakan dan penerbitan serta lain-lain perkhidmatan yang berteraskan ilmu.

## Organisasi MKMGH



## HALA TUJU MKMGH

MKM Global Holdings Sdn. Bhd. berpotensi melangkah jauh dengan adanya perancangan serta hala tuju yang jelas dan komprehensif. Penstrukturan semula yang dibuat dilihat mampu memberi kesan jangka pendek dan panjang kepada syarikat. Laporan ini menggariskan beberapa teras utama bagi memacu kelestarian serta memastikan MKMGH kekal berdaya saing dalam berdepan dengan pasca pandemik COVID-19.



**i. JUMLAH PELAJAR DAN KAKITANGAN (AKADEMIK DAN BUKAN AKADEMIK) KOLEJ iCOOP**

a. Jumlah pelajar aktif ketika ini adalah seramai 47 orang. Pecahan seperti berikut:

Semester	Program				Jumlah
	DCM	DCE	DAM	DIA	
Semester 1	-	-	-	-	-
Semester 2	2				2
Semester 3					
Semester 4				5	5
Semester 5	2		2		4
Semester 6	9		2	1	12
Semester 7	15	3	2	1	21
Semester 8 (Repeaters)	2	1			3
<b>Jumlah Pelajar</b>	<b>30</b>	<b>4</b>	<b>6</b>	<b>7</b>	<b>47</b>

- 📖 DCM – Diploma Pengurusan Koperasi
- 📖 DCE – Diploma Keusahawanan Koperasi
- 📖 DAM – Diploma Pengurusan Pentadbiran
- 📖 DIA – Diploma Perakaunan



# GALERI

# Pelancaran Program Ke Arah Kemakmuran Bersama & 5 Teras Strategik



## Program Turun Padang Ke Arah Kemakmuran Bersama



# Pertandingan Memasak Daging Arnab



# Seminar Digital Leadership



# Bicara Ilmu Jana Pendapatan Dengan Aplikasi Smartphone

# Program FB Live IKM



Selamat Pagi Malaysia



Segmen Mesra Koperasi @ IKIM FM



Wacana Sinar @ Sinar Harian





# Lawatan IKM ke CO-OPBANK PERTAMA



## Kunjungan Bursa Malaysia Ke IKM



## Kolokium





# LAPORAN KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mewakili sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 40.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 (Akta 437).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 (Akta 437). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Institut Koperasi Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 (Akta 437), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 8 dalam penyata kewangan.

### **Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia berdasarkan keperluan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 (Akta 437) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



**(ZIRAWATI BINTI KADIR)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

SHAH ALAM, SELANGOR  
28 OKTOBER 2021



**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

Saya, Datuk Mohd Ali bin Mansor, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Institut Koperasi Malaysia (IKM), dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan IKM, Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan dan IKM, Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan dan IKM, Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan IKM dan Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan Kumpulan dan IKM di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di Petaling Jaya, Selangor )  
pada 30 JUN 2021 )

  
-----

**DATUK MOHD ALI BIN MANSOR**



NO: 13, (TINGKAT 1) JALAN 52/10  
PJ NEW TOWN  
46200 PETALING JAYA, SELANGOR.



**PENYATA PENERUSI DAN AHLI LEMBAGA  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**

Kami, Dato' Mohammad Radhi Bin Abdul Razak dan Dato' Zainal Abidin Bin Mat Nor, yang merupakan Ahli Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKM), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan IKM, Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan dan IKM, Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan dan IKM, Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan IKM dan Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan dan IKM pada 31 Disember 2020 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : Dato' Mohammad Radhi Bin Abdul Razak



NAMA : Dato' Zainal Abidin Bin Mat Nor

GELARAN : Ahli Lembaga Pengarah IKM

GELARAN : Ahli Lembaga Pengarah IKM

Tarikh : 30 JUN 2021

Tarikh : 30 JUN 2021

KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**  
**Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2020**

	Nota	KUMPULAN		IKM	
		2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
<b>ASET</b>					
<b>Aset Semasa</b>					
Pinjaman Qardul Hasan	3	-	-	-	479,676
Penghutang, Pendahuluan dan Deposit	4	2,816,711	2,920,857	2,685,983	1,982,248
Simpanan Tetap	5	14,874,622	8,950,112	14,700,000	8,900,000
Wang tunai dan Baki di Bank	6	4,997,657	9,196,047	3,863,253	8,916,589
<b>Jumlah Aset Semasa</b>		<b>22,688,990</b>	<b>21,067,016</b>	<b>21,249,236</b>	<b>20,278,513</b>
<b>Aset Bukan Semasa</b>					
Hartanah, Loji dan Peralatan	7	121,978,390	121,559,375	121,283,767	121,411,137
Pinjaman Qardul Hasan	3	-	-	-	1,918,706
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	8	-	-	61,880	-
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>		<b>121,978,390</b>	<b>121,559,375</b>	<b>121,345,647</b>	<b>123,329,843</b>
<b>Jumlah Aset</b>		<b>144,667,380</b>	<b>142,626,391</b>	<b>142,594,883</b>	<b>143,608,356</b>
<b>LIABILITI</b>					
<b>Liabiliti Semasa</b>					
Pemiutang, Lain-lain Pemiutang	9	7,095,745	3,999,019	5,028,532	2,858,819
Pinjaman Qardul Hasan (SKM)	10	1,062,650	843,912	1,062,650	843,912
Geran Pembangunan & Amanah	11	18,114,305	18,026,017	18,114,305	18,026,017
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>		<b>26,272,700</b>	<b>22,868,948</b>	<b>24,205,487</b>	<b>21,728,748</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>					
Manfaat Pekerja	12	3,072,620	2,745,542	3,072,620	2,745,542
Pinjaman Belum Lunas		5,284	36,404	-	-
Pinjaman Qardul Hasan (SKM)	10	1,062,650	3,375,646	1,062,650	3,375,646
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>		<b>4,140,554</b>	<b>6,157,592</b>	<b>4,135,270</b>	<b>6,121,188</b>
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>30,413,254</b>	<b>29,026,540</b>	<b>28,340,757</b>	<b>27,849,936</b>
<b>Aset Bersih</b>		<b>114,254,126</b>	<b>113,599,851</b>	<b>114,254,126</b>	<b>115,758,420</b>
<b>EKUITI</b>					
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan		800,000	800,000	800,000	800,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer		100,000	100,000	100,000	100,000
Lebihan Berkumpul		110,557,718	112,930,503	110,557,718	112,930,503
Dana Rezaab	13	2,796,408	1,927,917	2,796,408	1,927,917
(Kurangan)		-	(2,158,569)	-	-
<b>Jumlah Ekuiti</b>		<b>114,254,126</b>	<b>113,599,851</b>	<b>114,254,126</b>	<b>115,758,420</b>

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**  
**Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020**

	Nota	KUMPULAN		IKM	
		2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
<b>Hasil</b>					
Terimaan dari Kumpulan					
Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPK)		19,580,545	16,142,950	19,580,545	16,142,950
Terimaan kerajaan untuk emolumen		15,481,900	14,500,000	15,481,900	14,500,000
Geran pembangunan dilunaskan		626,739	398,044	626,739	398,044
Pendapatan bersih kewangan (hibah bank)		419,394	412,820	419,394	386,702
Yuran	14	1,725,224	2,294,091	320,068	1,206,104
Sewaan		68,861	236,679	68,861	236,679
Pelbagai terimaan	15	82,497	346,157	60,168	309,218
<b>Jumlah Hasil</b>		<b>37,985,160</b>	<b>34,330,741</b>	<b>36,557,675</b>	<b>33,179,697</b>
<b>Perbelanjaan</b>					
Kos kakitangan	16	15,064,544	14,646,173	14,116,766	13,812,117
Perkhidmatan dan bekalan	17	13,332,406	14,923,034	12,075,462	13,004,778
Perbelanjaan kursus jangka panjang / pendek		5,409,082	4,428,685	4,471,367	3,990,820
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	18	659,268	500,288	518,320	246,700
Susut nilai	7	2,498,023	2,365,491	2,420,624	2,284,231
Kerugian rosot nilai penghutang		41,196	287,748	41,196	66,510
Peruntukan manfaat kakitangan (GCR)	12	379,064	377,910	379,064	377,910
Peruntukan manfaat kesihatan kakitangan	12	26,050	64,161	26,050	64,161
Kerugian rosot nilai pelaburan subsidiari	8	-	-	4,013,120	-
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>37,409,633</b>	<b>37,593,490</b>	<b>38,061,969</b>	<b>33,847,227</b>
<b>Lebihan Pendapatan / (Kurangan)</b>		<b>654,275</b>	<b>(3,262,749)</b>	<b>(1,504,294)</b>	<b>(667,530)</b>

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**  
**Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020**

Nota	Kumpulan Wang Pinjaman kendaraan RM	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer RM	Lebihan Terkumpul	Kerugian Terkumpul Subsidiari RM	Dana Rezab	Jumlah RM
<b>Baki Pada 1 Januari 2019</b>	800,000	100,000	122,801,441	436,650	858,565	124,996,656
Pelarasan Tahun Lepas	-	-	(8,134,056)	-	-	(8,134,056)
<b>Seperti yang dinyatakan semula 1 Januari 2019</b>	<u>800,000</u>	<u>100,000</u>	<u>114,667,385</u>	<u>436,650</u>	<u>858,565</u>	<u>116,862,600</u>
(Kurangan) / Lebihan Tahun Semasa Pindahan ke Dana Rezab	-	-	(667,530) (1,069,352)	(2,595,219) -	- 1,069,352	(3,262,749) -
<b>Baki Pada 31 Disember 2019</b>	<u>800,000</u>	<u>100,000</u>	<u>112,930,503</u>	<u>(2,158,569)</u>	<u>1,927,917</u>	<u>113,599,851</u>
<b>Baki Pada 1 Januari 2020</b>	800,000	100,000	112,930,503	(2,158,569)	1,927,917	113,599,851
(Kurangan) / Lebihan Tahun Semasa Pindahan ke Dana Rezab	-	-	(1,504,294) (868,491)	2,158,569 -	- 868,491	654,275 -
<b>Baki Pada 31 Disember 2020</b>	<u>800,000</u>	<u>100,000</u>	<u>110,557,718</u>	<u>-</u>	<u>2,796,408</u>	<u>114,254,126</u>

13

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**  
**Penyata Perubahan Ekuiti IKM**  
**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020**

Nota	Kumpulan Wang Pinjaman kenderaan	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	Lebihan Terkumpul	Dana Rezab	JUMLAH
	RM	RM	RM		RM
<b>Baki Pada 1 Januari 2019</b>	800,000	100,000	122,801,441	858,565	124,560,006
Pelarasan Tahun Lepas	-	-	(8,134,056)	-	(8,134,056)
<b>Seperti yang dinyatakan semula</b>	<b>800,000</b>	<b>100,000</b>	<b>114,667,385</b>	<b>858,565</b>	<b>116,425,950</b>
(Kurangan) Tahun Semasa Pindahan ke Dana Rezab	-	-	(667,530)	-	(667,530)
	-	-	(1,069,352)	1,069,352	-
<b>Baki Pada 31 Disember 2019</b>	<b>800,000</b>	<b>100,000</b>	<b>112,930,503</b>	<b>1,927,917</b>	<b>115,758,420</b>
<b>Baki Pada 1 Januari 2020</b>	800,000	100,000	112,930,503	1,927,917	115,758,420
(Kurangan) Tahun Semasa Pindahan ke Dana Rezab	-	-	(1,504,294)	-	(1,504,294)
13	-	-	(868,491)	868,491	-
<b>Baki Pada 31 Disember 2020</b>	<b>800,000</b>	<b>100,000</b>	<b>110,557,718</b>	<b>2,796,408</b>	<b>114,254,126</b>

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**  
**Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020**

	KUMPULAN		IKM	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi</b>				
(Kurangan) / Lebihan pendapatan	654,275	(3,262,749)	(1,504,294)	(667,530)
<b>Pelarasan:</b>				
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	2,498,023	2,365,491	2,420,624	2,284,231
Penyusutan Nilai Pelaburan Subsidiari	-	-	4,013,120	-
Pendapatan kendalian sebelum perubahan modal kerja	3,152,298	(897,258)	4,929,450	1,616,701
Penurunan / (kenaikan) penghutang	104,146	(178,868)	1,694,647	(1,289,665)
(Penurunan) / kenaikan pemiutang	1,298,426	823,196	402,533	666,381
<b>Aliran tunai diperolehi daripada aktiviti operasi</b>	<u>4,554,870</u>	<u>(252,930)</u>	<u>7,026,630</u>	<u>993,417</u>
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Pelaburan</b>				
Perolehan aset tetap	(3,039,642)	(1,352,223)	(2,414,202)	(1,336,867)
Jualan Aset Tetap	122,604	99,810	120,948	99,810
Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari	-	-	(4,075,000)	-
<b>Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>	<u>(2,917,038)</u>	<u>(1,252,413)</u>	<u>(6,368,254)</u>	<u>(1,237,057)</u>
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan</b>				
Perbelanjaan daripada aktiviti pembiayaan Geran	(626,739)	(1,008,229)	(626,739)	(1,008,229)
Terimaan Akaun Amanah	715,027	257,971	715,027	257,971
<b>Tunai Bersih daripada aktiviti pembiayaan</b>	88,288	(750,258)	88,288	(750,258)
Tambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai	1,726,120	(2,255,601)	746,664	(993,898)
Baki awal tunai dan kesetaraan tunai	18,146,159	20,401,760	17,816,589	18,810,487
<b>Baki akhir tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember</b>	<b><u>19,872,279</u></b>	<b><u>18,146,159</u></b>	<b><u>18,563,253</u></b>	<b><u>17,816,589</u></b>
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai</b>				
Simpanan Tetap	14,874,622	8,950,112	14,700,000	8,900,000
Baki Tunai dan Bank	4,997,657	9,196,047	3,863,253	8,916,589
	<b><u>19,872,279</u></b>	<b><u>18,146,159</u></b>	<b><u>18,563,253</u></b>	<b><u>17,816,589</u></b>

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA**  
**Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar**  
**Bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2020**

Perkara	Bajet 2020 RM	Perbelanjaan Sebenar 2020 RM	Perbezaan Bajet dan Sebenar	
			2020 RM	Varian %
<b>Hasil</b>				
Terimaan dari Kumpulan				
Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPK)	23,642,000	19,580,545	-4,061,455	-17.18%
Terimaan kerajaan untuk emolumen	15,482,000	15,481,900	-100	0.00%
Pendapatan bersih kewangan (Hibah Bank)	320,000	419,394	99,394	31.06%
Yuran	400,000	320,068	-79,932	-19.98%
Sewaan	200,000	68,861	-131,139	-65.57%
Pelbagai terimaan	80,000	60,168	-19,832	-24.79%
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>40,124,000</b>	<b>35,930,936</b>	<b>-4,193,064</b>	<b>-10.45%</b>
<b>Perbelanjaan</b>				
Kos kakitangan	15,295,728	14,116,766	-1,178,962	-7.71%
Perkhidmatan dan bekalan	12,576,504	12,075,462	-501,042	-3.98%
Perbelanjaan kursus dalam dan luar	9,014,496	4,471,367	-4,543,129	-50.40%
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	428,000	518,320	90,320	21.10%
Gantian cuti rehat (GCR)	336,272	379,064	42,792	12.73%
Perolehan aset mudah alih	2,473,000	2,414,202	-58,798	-2.38%
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>40,124,000</b>	<b>33,975,181</b>	<b>-6,148,819</b>	<b>-15.32%</b>
<b>Lebihan Hasil atas Perbelanjaan</b>	<b>-</b>	<b>1,955,755</b>		

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

## INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

### Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2020

#### 1. PENGENALAN

##### a) Maklumat Korporat

Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah ditubuhkan pada tahun 1956 dan diperbadankan sebagai sebuah Badan Berkanun melalui Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968. Semenjak dari penubuhan IKM, segala perbelanjaan mengurus ditanggung dari dana Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPK) di mana dana KWAPK ini dijana daripada caruman 2% atas keuntungan bersih koperasi. Manakala perbelanjaan untuk pembangunan, dana diperoleh daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Namun begitu bermula pada tahun kewangan 2009, pihak kerajaan bersetuju menanggung perbelanjaan emolumen kakitangan IKM yang mana menjadikan sumber bajet mengurus IKM dipecahkan kepada dua sumber kewangan iaitu bajet emolumen ditanggung oleh kerajaan manakala perbelanjaan mengurus selain emolumen termasuk perolehan aset tetap ditanggung oleh KWAPK. Aktiviti utama IKM adalah memberi latihan dalam bidang koperasi dengan menganjurkan kursus-kursus jangka pendek manakala kursus jangka panjang (Program Diploma dan Ijazah) dikendalikan oleh syarikat subsidiari MKM Global Holdings Sdn.Bhd. Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2020 telah diluluskan Lembaga IKM melalui Mesyuarat Lembaga Bil.2.2021 pada 21 Jun 2021.

##### b) Asas Perakaunan

Penyata Kewangan IKM disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia serta mematuhi Piawaian Laporan Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS- *Malaysian Public Sector Accounting Standard*) 2016 dan peruntukan Akta 437, Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan), 1968 pindaan 2019.

##### c) Polisi Perakaunan

Polisi perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan dan IKM adalah selaras dengan yang diterima pakai pada tahun kewangan sebelumnya.



## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN

### a) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian atas penjejasan. Susut nilai dibuat mengikut kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat hartanah, loji dan peralatan berkenaan. Bagi tanah pajakan kewangan susut nilai adalah berdasarkan kepada usia guna (*useful life*). Dasar untuk mengenal pasti dan mengukur kerugian penjejasan adalah dijelaskan di dalam Nota 2(b). Hartanah, loji dan peralatan akan diiktiraf setelah inbois pembekal direkod ke dalam sistem SAGA. Hartanah, loji dan peralatan yang dibeli bernilai RM1,000 dan ke atas diiktiraf sebagai aset manakala yang dibeli kurang daripada RM1,000 akan dikira sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan. Namun begitu jika terdapat aset yang dibeli dengan harga kurang dari RM1,000 tetapi memerlukan penyelenggaraan berjadual maka hartanah, loji dan peralatan tersebut akan dikira sebagai aset tetap. Bagi perolehan tanah atau bangunan segala kos yang terlibat akan diiktirafkan sebagai kos hartanah, loji dan peralatan berdasarkan kepada jumlah sebenar yang dibayar pada tahun kewangan dan bukannya berdasarkan kepada kerja siap sepenuhnya. Pengiktirafan ini akan menyebabkan semua kerja-kerja dalam pembangunan akan dipersembahkan di dalam nota 7 Penyata Kedudukan Kewangan di bawah tajuk Hartanah, Loji dan Peralatan.

Kadar susut nilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

Tanah Pajakan kewangan 99 tahun	Usia guna 99 tahun
Bangunan Pejabat	2%
Kenderaan	20%
Perabot Dan Kemasan	20%
Peralatan/Kelengkapan Pejabat	20%
Peralatan/Kelengkapan Komputer	25%
Peralatan Pandang Dengar Dan Fotografi	15%
Peralatan/Kelengkapan Dapur	10%
Peralatan Komunikasi	20%
Kelengkapan Percetakan	15%
Peralatan/Perkakasan Elektrik	20%
Kelengkapan Bekerja	20%

### b) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

#### i. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### b) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (Sambungan)

#### i. Aset Penjanaan Tunai (Sambungan)

amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urusan niaga pasaran terkini akan diambilkira jika ada. Jika tiada urusan niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebih penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

#### ii. Penjanaan Bukan Tunai

Kumpulan akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Kumpulan akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Kumpulan telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Bagi menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### b) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (Sambungan)

#### iii. Penjanaaan Bukan Tunai (Sambungan)

yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Kumpulan menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

#### c) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki tunai di tangan dan dalam bank serta simpanan tetap yang tidak disandarkan kepada sebarang jaminan.

#### d) Terimaan Peruntukan Pembangunan Sumber Manusia

Peruntukan yang diterima dari kerajaan melalui kementerian bagi membiayai program di atas, ditunjukkan sebagai peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan. Semua perbelanjaan akan dicaj ke dalam akaun tersebut dalam tempoh ianya berlaku. Bagi program Pembangunan Sumber Manusia, perbelanjaan yang melibatkan perolehan aset tetap akan dipermodalkan dan susut nilai akan dikira seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(a).

#### e) Kumpulan Wang Amanah

Kumpulan Wang Amanah merupakan dana yang diterima daripada pihak ketiga untuk tujuan yang tertentu di mana dana tersebut akan digunakan bagi program-program yang dirancang. Antara program

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### e) Kumpulan Wang Amanah (Sambungan)

yang dilaksanakan melalui peruntukan Dana Amanah ini adalah seperti *Malaysian Technical Cooperation Programs* (MTCP), penyelidikan dan tajaan biasiswa / pinjaman untuk pelajar jangka panjang (Program Diploma dan Ijazah) IKM.

Gaji, upah, elaun tetap, sumbangan berkanun untuk kakitangan, elaun lebih masa, imbuhan tahunan dan manfaat bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan IKM.

### f) Manfaat Kakitangan

#### i. Pelan Caruman Tetap

IKM juga menyumbang kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), iaitu skim sumbangan yang ditakrifkan. Skim sumbangan yang ditakrifkan ialah satu skim di mana IKM membayar sumbangan yang ditetapkan tetapi tidak mempunyai tanggungjawab untuk membayar sumbangan yang lebih sekiranya dana ini tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan pekerja untuk tempoh semasa atau tempoh yang lalu. Sumbangan kepada skim sumbangan yang ditakrifkan akan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh ianya dikaitkan.

#### ii. Peruntukan Manfaat Persaraan

Peruntukan manfaat persaraan kakitangan IKM berdasarkan kepada MPSAS 25 dan MPSAS 30. Peruntukan yang dibuat pada tahun semasa kewangan adalah berdasarkan kepada jumlah bilangan hari Gantian Cuti Rehat (GCR) maksimum setiap tahun sebanyak 15 hari sebagaimana pekeliling dengan mengambilkira gaji asas kakitangan pada akhir tahun kewangan tersebut berdasarkan kepada asas akrual. Peruntukan ini dipersembahkan pada tajuk manfaat kakitangan pada Penyata Kedudukan Kewangan manakala peruntukan manfaat kakitangan pada Penyata Prestasi Kewangan. Bagi pembayaran pula, bayaran GCR dibayar selepas kakitangan bersara berdasarkan kepada jumlah bilangan hari GCR sebenar yang dikumpul sepanjang tempoh kakitangan berkhidmat berdasarkan kepada gaji asas terakhir kakitangan tersebut.

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### f) Manfaat Kakitangan (Sambungan)

#### iii. Manfaat Kesihatan Kakitangan

Peruntukan manfaat kesihatan kakitangan adalah berdasarkan kepada MPSAS 25 dan MPSAS 30 yang mana peruntukan dibuat berdasarkan kepada 3% daripada jumlah pendapatan dalam setahun. Manfaat kesihatan kakitangan ini adalah bagi pembiayaan kos-kos rawatan yang tidak ditanggung oleh pihak kerajaan seperti rawatan jantung dan dialisis kakitangan serta ahli keluarga kakitangan yang layak.

### g) Pengiktirafan Pendapatan Dan Perbelanjaan

Pendapatan dan perbelanjaan IKM diiktiraf atas dasar akruan kecuali terimaan dari kerajaan. Penyata Prestasi Kewangan yang disediakan hanya merangkumi transaksi Kumpulan Wang Pengurusan dan Kumpulan Wang Pembangunan sahaja. Transaksi bagi Kumpulan Wang Amanah dan Kumpulan Wang Pembangunan ditunjukkan secara kumulatif dalam nota 13 kepada Penyata Kewangan.

### h) Peruntukan

Peruntukan dikenal pasti apabila terdapatnya kewajipan semasa, secara sah atau konstruktif, disebabkan oleh peristiwa yang telah berlaku, apabila berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merupakan sebahagian daripada manfaat ekonomi adalah perlu untuk menyempurnakan kewajipan tersebut, dan anggaran yang pasti bagi kewajipan tersebut dapat dibuat.

### i) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan yang dibawa ke Penyata Kedudukan Kewangan termasuk wang tunai dan baki di bank, penghutang dan pemiutang. Ia dikenal pasti dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila IKM merupakan satu pihak kepada peruntukan berkontrak bagi instrument tersebut. Kaedah pengiktirafan yang digunakan didedahkan di dalam penyata polisi kewangan secara individu yang berkaitan dengan setiap item. Instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut kandungan sebenar urusan kontrak. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang-pemegang instrumen kewangan dikelaskan sebagai ekuiti dan dicaj terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diimbangi apabila IKM mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi dan bertujuan untuk menyelesaikan sama ada atas asas bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### j) Pelaburan Dalam Subsidiari

Subsidiari adalah sebuah syarikat di mana kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan dan operasi syarikat tersebut bagi memperolehi manfaat daripada aktiviti-nya. Pelaburan dalam subsidiari dinyatakan pada kos ditolak peruntukan rosot nilai jika ada.

### k) Cukai

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan bersifat sementara pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan diantara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai dibawa didalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf ke atas semua perbezaan bersifat sementara yang boleh dikenakan cukai manakala aset cukai tertunda pula diiktiraf ke atas semua perbezaan bersifat sementara yang dibenarkan bagi maksud percukaian serta kerugian dan kredit cukai yang belum digunakan, sekiranya berkemungkinan terdapat keuntungan boleh dikenakan cukai sedia untuk digunakan ke atas perbezaan bersifat sementara yang dibenarkan, serta baki kerugian bercukai dan baki kredit cukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tempoh apabila aset itu direalisasikan atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan ataupun telah dikuatkuasakan sebahagian besarnya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan, kecuali jika terhasil daripada transaksi yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti, di mana cukai tertunda dicajkan atau dikreditkan terus ke dalam ekuiti ataupun bila ia terhasil daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan syarikat di mana cukai tertunda dimasukkan ke dalam muhibbah atau muhibbah negatif yang terhasil.

### l) Asas Penyatuan

Penyata Prestasi Kewangan yang disatukan meliputi Penyata Prestasi Kewangan IKM dan syarikat subsidiarinya yang telah disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Subsidiari adalah entiti di mana IKM mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktiviti-nya. Subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilalihan ini, hasil daripada subsidiari yang diambilalih atau dilupuskan sepanjang tahun kewangan dimasukkan ke dalam Penyata Prestasi Kewangan yang disatukan dari tarikh pelaksanaan pengambilalihan berkuat kuasa atau sehingga tarikh pelaksanaan pelupusan berkuat kuasa mengikut kesesuaian. Aset dan liabiliti subsidiari diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilan dan nilai ini ditunjukkan ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang disatukan. Perbezaan diantara kos pengambilalihan dan nilai saksama bahagian IKM daripada aset bersih subsidiari yang diambilalih pada

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### l) Asas Penyatuan (Sambungan)

tarikh pengambilalihan dimasukkan ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan Yang Disatukan sebagai muhibbah ke atas penyatuan dan dicaj kepada penyata pendapatan pada tahun ia diambilalih atau rizab ke atas penyatuan dan tidak disusutnilaikan.

Transaksi di dalam Kumpulan, baki dan keuntungan belum direalisasi yang terhasil dihapuskan semasa penyatuan. Penyata kewangan disatukan hanya menggambarkan transaksi dengan pihak ketiga sahaja. Kerugian belum direalisasi telah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak boleh dikutip semula.

Kepentingan pemegang saham minoriti dinyatakan pada nisbah minoriti ke atas nilai saksama aset dan liabiliti yang diiktiraf, jika ada. Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan entiti-entiti subsidiari untuk memastikan keseragaman polisi perakaunan dibandingkan dengan Kumpulan.

### m) Bajet Mengurus

Bajet mengurus tahunan IKM yang diluluskan oleh Lembaga adalah menggunakan kaedah asas tunai bagi tempoh dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun. Sumber bajet mengurus IKM ini terdiri daripada 3 sumber iaitu dana daripada KWAPK, Kerajaan Persekutuan melalui MEDAC dan sumber dalaman IKM. Bajet mengurus ini akan diperakukan di peringkat Jawatankuasa Kewangan IKM dan seterusnya diluluskan di Lembaga. Kelulusan ini akan dibawa ke pertimbangan Jawatankuasa KWAPK di bawah seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Namun begitu akan wujud perbezaan jumlah bajet yang diluluskan oleh Lembaga dengan kelulusan yang dibuat oleh Jawatankuasa KWAPK dan juga Kerajaan Persekutuan. Perbezaan ini akan dibuat pelarasan dan seterusnya akan dibawa kepada kelulusan YB Menteri bagi kebenaran menggunakan bajet tersebut pada tahun berikutnya sebagaimana peruntukan Akta IKM.

### n) Perbandingan Bajet Dengan Perbelanjaan Sebenar

Asas bagi penggunaan bajet mengurus IKM yang diluluskan oleh Lembaga menggunakan kaedah asas tunai manakala perbelanjaan sebenar menggunakan kaedah akruan. Penggunaan bajet mengurus IKM yang diluluskan hanya bagi tempoh dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun manakala bagi perbelanjaan sebenar ianya melangkaui tahun kewangan di mana peruntukan terakru akan dibuat bagi perbelanjaan yang telah diluluskan namun tidak sempat untuk dibuat pembayaran pada tahun semasa.

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### n) Perbandingan Bajet Dengan Perbelanjaan Sebenar (Sambungan)

Peruntukan terakru ini akan direkod sebagai liabiliti semasa pada Penyata Kedudukan Kewangan. Terdapat perbezaan dari segi masa kerana tempoh bajet yang disediakan berbeza daripada tempoh kewangan ini disediakan manakala perbezaan entiti pula wujud disebabkan oleh kerana bajet tidak mengambilkira program yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan ini.

### o) Pihak Berkaitan

Kumpulan menganggap pihak berkaitan sebagai individu atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Kumpulan atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi.

### p) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

#### i. Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan.

#### ii. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut;

##### 1) Kerugian Rosot Nilai Bagi Belum Terima

Kumpulan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Kumpulan menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.



## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### p) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Sambungan)

#### ii. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Sambungan)

##### 1) Perubahan Anggaran Jangka Hayat Bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 4 hingga 10 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberikan kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset yang pada masa hadapan akan disemak semula.

##### q) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama termasuk kos urusniaga dan untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama ia adalah menerusi lebihan atau kekurangan yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kekurangan dan pinjaman belum bayar.

Kumpulan hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut;

##### i. Pinjaman Dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kekurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa hadapan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### q) Liabiliti Kewangan (Sambungan)

#### ii. Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat. Sebarang perbezaan diantara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf didalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

### r) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga dan untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama ia adalah menerusi lebihan atau kurangan yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual. Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan didalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat iaitu tarikh di mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut. Kumpulan hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut;

#### i. Pinjaman Dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

#### ii. Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk;

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### r) Aset Kewangan (Sambungan)

#### ii. Rosot Nilai Aset Kewangan (Sambungan)

1. Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam
2. Pembayaran tertunggak
3. Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan didalam anggaran aliran tunai masa hadapan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan. Jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan diantara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika dalam tempoh kemudiannya sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta merta.

Akaun-akaun penghutang IKM dinyatakan pada nilai boleh realis. Bermula tahun 2007, IKM telah melaksanakan polisi baru berkenaan dengan kerugian rosot nilai ke atas penghutang yang mana polisi tersebut telah diluluskan oleh Lembaga dalam Mesyuarat Bil.1 Tahun 2008. Polisi kerugian rosot nilai yang diluluskan seperti yang dinyatakan di bawah:

- » Hutang yang melebihi 1 tahun tetapi kurang 2 tahun akan diperuntukkan sebanyak 50%
- » Hutang yang melebihi 2 tahun tetapi kurang 3 tahun akan diperuntukkan sebanyak 75%
- » Hutang yang melebihi 3 tahun tetapi kurang 4 tahun akan diperuntukkan sebanyak 100%

Untuk kerugian rosot nilai yang melebihi tempoh 4 tahun jumlahnya akan dipindahkan kepada kerugian rosot nilai lapuk. Penghutang yang telah melebihi usia 5 tahun, yang gagal dikutip setelah segala usaha kutipan dijalankan akan dibawa ke Lembaga untuk diluluskan bagi proses hapuskira.

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

### r) Aset Kewangan (Sambungan)

#### iii. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesaikan serta kumpulan telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

### s) Muhibbah

Muhibbah wujud daripada penyatuan perniagaan dan pada awalnya diukur berdasarkan kos. Setelah pengiktirafan awal, Kumpulan mengukur muhibbah yang didapati dalam penyatuan perniagaan pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Pelunasan muhibbah diiktiraf di dalam Penyata Kewangan melalui kaedah garis lurus di atas jangkaan hayat selama 10 tahun berdasarkan nilai saksama jangkaan hayat tidak dapat dibuat.

### t) Program Inkubator

Pada tahun 2020, IKM telah merancang untuk melaksanakan Program Inkubator ditapak seluas 64 ekar bertempat di Behrang, Mukim Hulu Bernam Timur, Perak. Tapak tanah ini adalah merupakan tapak lama bagi projek pembangunan kampus jangka panjang IKM yang tidak dapat diteruskan pembinaanya. Program inkubator ini dapat memberikan nilai tambah kepada program keberhasilan yang telah dan sedang dilaksanakan seperti bidang pertanian / perladangan / penternakan / peruncitan dan pelancongan namun peringkat awal program ini adalah fokus kepada pertanian dan perladangan bagi sektor koperasi. Pada tahun 2020 atas faktor Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan maka program ini terpaksa ditangguhkan dan akan dilaksanakan pada tahun 2021. Program ini secara tidak langsung dapat memberikan pendedahan secara praktikal dilapangan bukan sahaja kepada peserta malah kepada tenaga pengajar IKM.

### 3. PINJAMAN QARDUL HASAN

Pinjaman Qardul Hasan adalah pinjaman kepada subsidiari (MKMGH), didominasi dalam Ringgit Malaysia, tidak bercagar, tidak ada kenaan caj hibah dengan tempoh bayaran balik selama 60 bulan bermula 1 April 2018. Berikut adalah ringkasan tempoh pembayaran balik:

	IKM	
	2020 RM	2019 RM
Pembayaran Balik Pinjaman Tidak Bercagar:		
<b>(A)</b> Tidak lewat daripada 1 tahun		
Pembayaran Pinjaman	-	497,000
Hibah (Present Value) Aliran Tunai Masa Hadapan	-	(17,324)
	-	<b>479,676</b>
<b>(B)</b> Lewat daripada 1 tahun dan tidak lewat daripada 5 Tahun		
Pembayaran Pinjaman	-	1,988,000
Hibah (Present Value) Aliran Tunai Masa Hadapan	-	(69,294)
	-	<b>1,918,706</b>
<b>Nilai Semasa Aliran Tunai Masa Hadapan Pinjaman Tidak Bercagar (A + B)</b>	-	<b>2,398,382</b>

#### Jadual Pembayaran Balik Pinjaman

	IKM	
	2020 RM	2019 RM
<b>Jumlah Pembiayaan</b>	2,398,382	2,217,063
Bayaran Balik Tahun Semasa	(15,000)	(15,000)
Convertible loan to syer	(2,470,000)	-
Pembatalan Hibah ( <i>unwind interest</i> ) Tunai Masa Hadapan	86,618	196,319
<b>Baki Pada 31 Disember 2020</b>	-	<b>2,398,382</b>

#### 4. PENGHUTANG, PENDAHULUAN DAN DEPOSIT

	KUMPULAN		IKM	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Penghutang (a)	1,435,017	1,786,727	24,576	961,285
Penghutang Pinjaman Komputer (b)	19,699	6,881	19,699	6,881
Penghutang Pinjaman Kenderaan (b)	417,650	344,943	417,650	344,943
Pendahuluan;				
Kakitangan (Perjalanan)(c)	5,675	9,986	5,675	9,986
Kakitangan (Pelbagai)(c)	-	3,700	-	3,700
Pertaruhan	938,670	768,620	406,947	370,947
Pendahuluan ke syarikat subsidiari	-	-	1,811,436	284,506
	<b><u>2,816,711</u></b>	<b><u>2,920,857</u></b>	<b><u>2,685,983</u></b>	<b><u>1,982,248</u></b>

Terma penghutang, pendahuluan dan pertaruhan adalah seperti di bawah;

- Kredit bagi penghutang adalah di antara pembayaran pendahuluan kepada 90 hari.
- Penghutang Pinjaman Komputer dan Kenderaan meliputi kakitangan IKM sahaja. Bayaran perkhidmatan yang dikenakan adalah berdasarkan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.9 Tahun 2000. Tempoh bayaran balik bagi kedua-dua jenis pinjaman adalah masing-masing tertakluk kepada maksimum empat dan sembilan tahun.
- Pendahuluan kepada kakitangan dan lain-lain tidak dikenakan faedah dengan tempoh bayaran balik dalam tiga tahun.

#### 5. SIMPANAN TETAP

	KUMPULAN		IKM	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Bank Berlesan	<u>14,874,622</u>	<u>8,950,112</u>	<u>14,700,000</u>	<u>8,900,000</u>

Kadar keuntungan pelaburan pada tahun kewangan adalah di antara 3.00% hingga 3.40% setahun. Tempoh matang simpanan tetap adalah di antara simpanan harian, mingguan 30 hari hingga 180 hari. Wang tunai sedia ada di bank boleh dikeluarkan jika perlu.

## 6. WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

	KUMPULAN		IKM	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Tunai Dalam Tangan	13,171	21,365	13,171	21,365
Baki Di Bank	4,984,486	9,174,682	3,850,082	8,895,224
	<b>4,997,657</b>	<b>9,196,047</b>	<b>3,863,253</b>	<b>8,916,589</b>

## 7. HARTANAH, LOJIDAN PERALATAN

## KUMPULAN 2020

Butir-Butir Aset	Kos Aset				Susut Nilai Terkumpul				Nilai Bersih
	Pada	Tambahan	Pelupusan	Pada	Pada	Tambahan	Pelupusan	Pada	Pada
	01.01.20	2020	2020	31.12.20	01.01.20	2020	31.12.20	31.12.20	31.12.20
(2)	(3)	(4)	(2)+(3)+(4)=(5)	(6)	(7)	(8)	(6)+(7)+(8)=(9)	(5)-(9)=(10)	
RM									
Tanah Pajakan dari KPTG	115,038,793	-	-	115,038,793	9,296,064	1,162,008	-	10,458,072	104,580,721
Bangunan Pejabat	13,736,799	-	-	13,736,799	2,203,767	274,736	-	2,478,503	11,258,296
Kenderaan	3,241,703	642,949	(196,680)	3,687,972	2,365,521	331,204	(196,678)	2,500,047	1,187,925
Peralatan/Kelengkapan Pejabat	494,448	19,048	(28,148)	485,348	427,453	24,964	(28,128)	424,289	61,059
Perabot dan Kemasan	592,622	29,030	(8,799)	612,853	428,674	74,884	(8,797)	494,761	118,092
Peralatan/Kelengkapan Komputer	6,276,733	601,031	(2,944)	6,874,820	5,561,288	268,128	(1,288)	5,828,128	1,046,692
Peralatan/Perkakasan Elektrik	2,450,980	1,071,409	(306,308)	3,216,081	1,787,363	308,841	(185,424)	1,910,780	1,305,301
Peralatan/Kelengkapan Komunikasi	256,611	5,650	-	262,261	154,266	43,584	-	197,850	64,411
Peralatan Pandang Dengar dan Fotografi	433,280	59,733	(81,290)	411,723	415,056	6,948	(81,250)	340,754	70,969
Kelengkapan Bekerja	2,750	1,900	-	4,650	2,749	-	-	2,749	1,901
Peralatan/Kelengkapan Percetakan	53,100	-	-	53,100	43,563	1,485	-	45,048	8,052
Peralatan/Kelengkapan Dapur	56,157	-	-	56,157	46,897	1,241	-	48,138	8,019
Kerja Dalam Pelaksanaan	1,658,060	608,892	-	2,266,952	-	-	-	-	2,266,952
<b>Jumlah (A)</b>	<b>144,292,036</b>	<b>3,039,642</b>	<b>(624,169)</b>	<b>146,707,509</b>	<b>22,732,661</b>	<b>2,498,023</b>	<b>(501,565)</b>	<b>24,729,119</b>	<b>121,978,390</b>



7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Sambungan)

IKM 2020

Butir-Butir Aset (1)	Kos Aset				Susut Nilai Terkumpul				Nilai Bersih	
	Pada		Pada		Pada		Pada		Pada	
	01.01.20	2020	31.12.20	2020	01.01.20	2020	31.12.20	2020	31.12.20	31.12.20
	(2)	(3)	(4)	(2)+(3)+(4)=(5)	(6)	(7)	(8)	(6)+(7)+(8)=(9)	(5)-(9)=(10)	
	RM									
Tanah Pajakkan dari KPTG	115,038,793	-	-	115,038,793	9,296,064	1,162,008	-	-	10,458,072	104,580,721
Bangunan Pejabat	13,736,799	-	-	13,736,799	2,203,766	274,736	-	-	2,478,502	11,258,297
Kenderaan	3,075,209	642,949	(196,680)	3,521,478	2,240,650	297,905	(196,678)	-	2,341,877	1,179,601
Peralatan/Kelengkapan Pejabat	477,961	4,800	(28,148)	454,613	418,733	23,398	(28,128)	-	414,003	40,610
Perabot dan Kemas	426,991	26,730	(8,799)	444,922	359,685	32,902	(8,797)	-	383,790	61,132
Peralatan/Kelengkapan Komputer	6,236,685	601,031	-	6,837,716	5,523,446	267,576	-	-	5,791,022	1,046,694
Peralatan/Perkakasan Elektrik	2,450,979	1,071,409	(306,308)	3,216,080	1,787,364	308,841	(185,424)	-	1,910,781	1,305,299
Peralatan/Kelengkapan Komunikasi	256,611	5,650	-	262,261	154,266	43,584	-	-	197,850	64,411
Peralatan Pandang Dengar dan Fotografi	433,280	59,733	(81,290)	411,723	415,055	6,948	(81,250)	-	340,753	70,970
Kelengkapan Bekerja	2,750	1,900	-	4,650	2,749	-	-	-	2,749	1,901
Peralatan/Kelengkapan Percetakan	53,100	-	-	53,100	43,563	1,485	-	-	45,048	8,052
Peralatan/Kelengkapan Dapur	56,157	-	-	56,157	46,897	1,241	-	-	48,138	8,019
Kerja Dalam Pelaksanaan	1,658,060	-	-	1,658,060	-	-	-	-	-	1,658,060
<b>Jumlah (A)</b>	<b>143,903,375</b>	<b>2,414,202</b>	<b>(621,225)</b>	<b>145,696,352</b>	<b>22,492,238</b>	<b>2,420,624</b>	<b>(500,277)</b>	<b>24,412,585</b>	<b>121,283,767</b>	

## 7. HARTANAH, LOJIDAN PERALATAN (Sambungan)

## KUMPULAN 2019

Butir-Butir Aset	Kos Aset				Susut Nilai Terkumpul				Nilai Bersih Pada	
	Pada	Tambahan	Pelupusan	Pada	Pelarasan	Tambahan	Pelupusan	Pada	Pada	
	01.01.19	2019	2019	31.12.19	2019	2019	2019	31.12.19	31.12.19	
(2)	(3)	(4)	(2)+(3)+(4)=(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(6)+(7)+(8)+(9)=(10)	(5)-(10)=(11)	
RM										
Tanah Pajak	115,038,793	-	-	115,038,793	-	8,134,056	1,162,008	-	9,296,064	105,742,729
Kewangan (KPTG)	13,736,799	-	-	13,736,799	1,929,030	-	274,737	-	2,203,767	11,533,032
Bangunan Pejabat	2,891,287	545,416	(195,000)	3,241,703	2,379,384	-	181,136	(194,999)	2,365,521	876,182
Peralatan/Kelengkapan Pejabat	470,928	36,400	(12,880)	494,448	417,692	-	22,638	(12,877)	427,453	66,995
Perabot dan Kemasan	563,640	28,982	-	592,622	346,955	-	81,719	-	428,674	163,948
Peralatan/Kelengkapan Komputer	5,867,194	431,783	(22,244)	6,276,733	5,246,738	-	338,253	(23,703)	5,561,288	715,445
Peralatan/Perkakasan Elektrik	2,244,247	289,642	(82,909)	2,450,980	1,615,486	-	254,756	(82,879)	1,787,363	663,617
Peralatan/Kelengkapan Komunikasi	359,811	1,800	(105,000)	256,611	216,059	-	43,206	(104,999)	154,266	102,345
Peralatan Pandang Dengar dan Fotografi	442,015	2,950	(11,685)	433,280	421,338	-	5,398	(11,680)	415,056	18,224
Kelengkapan Bekerja	2,750	-	-	2,750	2,749	-	-	-	2,749	1
Peralatan/Kelengkapan Percetakan	43,200	9,900	-	53,100	43,163	-	400	-	43,563	9,537
Peralatan/Kelengkapan Dapur	53,307	5,350	(2,500)	56,157	46,928	-	1,240	(1,271)	46,897	9,260
Kerja Dalam Pelaksanaan	1,758,060	-	(100,000)	1,658,060	-	-	-	-	-	1,658,060
<b>Jumlah</b>	<b>143,472,031</b>	<b>1,352,223</b>	<b>(532,218)</b>	<b>144,292,036</b>	<b>12,665,522</b>	<b>8,134,056</b>	<b>2,365,491</b>	<b>(432,408)</b>	<b>22,732,661</b>	<b>121,559,375</b>

## 7. HARTANAH, LOJIDAN PERALATAN (Sambungan)

IKM 2019

Butir-Butir Aset (1)	Kos Aset				Susut Nilai Terkumpul				Nilai Bersih Pada		
	Pada 01.01.19	Tambahan 2019	Pelupusan 2019	Pada 31.12.19	Pada 01.01.19	pelarsan 2019	Tambahan 2019	Pelupusan 2019	Pada 31.12.19	Pada 31.12.19	
	(2)	(3)	(4)	(2)+(3)+(4)=(5)	(6)	(7)	(8)	(9)	(6)+(7)+(8)+(9)=(10)	(5)-(10)=(11)	
	RM										
Tanah Pajakan Kewangan (KPTG)	115,038,793	-	-	115,038,793	-	8,134,056	1,162,008	-	-	9,296,064	105,742,729
Bangunan Pejabat	13,736,799	-	-	13,736,799	1,929,029	-	274,737	-	-	2,203,766	11,533,033
Kenderaan	2,724,793	545,416	(195,000)	3,075,209	2,287,812	-	147,837	(194,999)	-	2,240,650	834,559
Peralatan/Kelengkapan Pejabat	454,441	36,400	(12,880)	477,961	410,843	-	20,767	(12,877)	-	418,733	59,228
Perabot dan Kemasan	410,421	16,570	-	426,991	319,748	-	39,937	-	-	359,685	67,306
Peralatan/Kelengkapan Komputer	5,830,090	428,839	(22,244)	6,236,685	5,213,204	-	333,945	(23,703)	-	5,523,446	713,239
Peralatan/Perkakasan Elektrik	2,244,246	289,642	(82,909)	2,450,979	1,615,487	-	254,756	(82,879)	-	1,787,364	663,615
Peralatan/Kelengkapan Komunikasi	359,811	1,800	(105,000)	256,611	216,059	-	43,206	(104,999)	-	154,266	102,345
Peralatan Pandang Dengar dan Fotografi	442,015	2,950	(11,685)	433,280	421,337	-	5,398	(11,680)	-	415,055	18,225
Kelengkapan Bekerja	2,750	-	-	2,750	2,749	-	-	-	-	2,749	1
Peralatan/Kelengkapan Percetakan	43,200	9,900	-	53,100	43,163	-	400	-	-	43,563	9,537
Peralatan/Kelengkapan Dapur	53,307	5,350	(2,500)	56,157	46,928	-	1,240	(1,271)	-	46,897	9,260
Kerja Dalam Pelaksanaan	1,758,060	-	(100,000)	1,658,060	-	-	-	-	-	-	1,658,060
<b>Jumlah (A)</b>	<b>143,098,726</b>	<b>1,336,867</b>	<b>(532,218)</b>	<b>143,903,375</b>	<b>12,506,359</b>	<b>8,134,056</b>	<b>2,284,231</b>	<b>(432,408)</b>	<b>22,492,238</b>	<b>121,411,137</b>	

## 8. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

### a) Kedudukan Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

	IKM	
	2020 RM	2019 RM
Baki pada 1 Januari	-	-
Tambahan Pelaburan Tahun Semasa	4,075,000	-
Rosot Nilai Pelaburan	(4,013,120)	-
Baki Pada 31 Disember	<b>61,880</b>	-
b) Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari Saham Tidak Tersiar Harga, Pada Kos	<b>61,880</b>	-

### c) Syarikat Subsidiari Dan Pegangan Saham Di Dalamnya Adalah Seperti Berikut;

Nama Syarikat	Kepentingan Ekuiti		Kegiatan Utama
	2020	2019	
<b>MKM GLOBAL HOLDING SDN. BHD</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>Perkhidmatan latihan dan pengurusan program pendidikan</b>

### d) Pelaburan dalam subsidiari berjumlah RM10,075,000 telah dirosotnilaikan berjumlah RM10,013,120. Maklumat pelaburan dan rosot nilai dalam syarikat subsidiari adalah seperti berikut;

PERKARA	RM
<b>(A) PELABURAN:</b>	
TAHUN 2013	2,000,000
TAHUN 2015	1,000,000
TAHUN 2016	500,000
TAHUN 2018	2,500,000
TAHUN 2020	4,075,000
<b>JUMLAH PELABURAN</b>	<b>10,075,000</b>
<b>(B) ROSOT NILAI:</b>	
TAHUN 2017	2,724,533
TAHUN 2018	3,275,467
TAHUN 2020	4,013,120
<b>JUMLAH ROSOT NILAI</b>	<b>10,013,120</b>
<b>(A) - (B) BAKI PELABURAN DALAM SUBSIDIARI</b>	<b>61,880</b>

## 9. PEMIUTANG, LAIN-LAIN PEMIUTANG

	KUMPULAN		IKM	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Pelbagai Pemiutang	1,832,984	1,072,450	36,666	26,774
Akaun Tabung Pelajar	233,363	233,363	233,363	233,363
Program Inkubator Sektor	1,000,000	-	1,000,000	-
Pinjaman belum lunas				
Cukai	64,266	11,060	-	-
Peruntukan Perbelanjaan Terakru;				
Peruntukan Khas	3,665,132	2,382,146	3,458,503	2,298,682
Peruntukan Am	300,000	300,000	300,000	300,000
	<b>7,095,745</b>	<b>3,999,019</b>	<b>5,028,532</b>	<b>2,858,819</b>

Syarat hutang bagi pelbagai pemiutang adalah pembayaran kepada pemiutang dalam tempoh 14 hari berdasarkan kepada salinan dokumen tuntutan yang lengkap.

## 10. PINJAMAN QARDUL HASAN (SKM)

Pada 30 Ogos 2017, IKM menandatangani perjanjian Pinjaman Qardul Hasan (SKM) berjumlah RM5 juta dengan pihak SKM bagi membiayai Dana Pelancaran Pendidikan Tinggi Koperasi oleh Kolej iCOOP. Pinjaman ini didominasi dalam Ringgit Malaysia, tidak bercagar, tidak ada caj hibah dengan tempoh pinjaman selama 60 bulan serta pembayaran balik ansuran bermula pada 1 April 2018. Nilai hibah semasa *present value* adalah mengambil kira 4% kadar hibah pinjaman Tabung Modal Pusingan (TMP) yang diuruskan oleh SKM. Berikut adalah ringkasan tempoh pembayaran balik:

KEDUDUKAN PINJAMAN QARDUL HASAN	IKM	
	2020 RM	2019 RM
Pembayaran Balik Pinjaman Tidak Bercagar:		
Baki Pada 1 Januari	4,219,558	4,661,807
Pembayaran Balik Pinjaman	(2,200,000)	(249,807)
Hibah (Present Value) Aliran Tunai Masa Hadapan (5 tahun)	105,743	(192,442)
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>2,125,301</b>	<b>4,219,558</b>

## 10. PINJAMAN QARDUL HASAN (SKM) (Sambungan)

	IKM	
	2020 RM	2019 RM
<b>PINJAMAN QARDUL HASAN</b>		
Pembayaran Balik Pinjaman Tidak Bercagar:		
<b>(A)</b> Tidak lewat daripada 1 tahun		
Pelunasan Pinjaman	1,106,000	882,400
Hibah (Present Value) Aliran Tunai Masa Hadapan	(43,350)	(38,488)
	<b>1,062,650</b>	<b>843,912</b>
<b>(B)</b> Lewat daripada 1 tahun dan tidak lewat daripada 5 Tahun		
Pelunasan Pinjaman	1,106,000	3,529,600
Hibah (Present Value) Aliran Tunai Masa Hadapan	(43,350)	(153,954)
	<b>1,062,650</b>	<b>3,375,646</b>
<b>Nilai Semasa Aliran Tunai Masa Hadapan Pinjaman Tidak Bercagar (A + B)</b>	<b>2,125,300</b>	<b>4,219,558</b>

## 11. GERAN PEMBANGUNAN & AMANAH

	IKM	
	2020 RM	2019 RM
<b>a) Pembangunan</b>		
Baki pada 1 Januari	17,172,145	17,570,189
Pelunasan Tahun Semasa	(295,423)	(398,044)
Baki Pada 31 Disember	<b>16,876,722</b>	<b>17,172,145</b>
<b>b) Amanah</b>		
Baki pada 1 Januari	853,872	1,206,086
Peruntukkan Tahun Semasa	715,027	257,971
Pelunasan Tahun Semasa	(331,316)	(610,185)
Baki Pada 31 Disember	<b>1,237,583</b>	<b>853,872</b>
	-	-
<b>Jumlah (a) + (b)</b>	<b>18,114,305</b>	<b>18,026,017</b>

## 11. GERAN PEMBANGUNAN & AMANAH (Sambungan)

### Kedudukan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Geran Pembangunan Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2020

	IKM	
	2020 RM	2019 RM
<b>a) Bangunan MKM PJ</b>		
Baki pada 1 Januari	14,390,983	14,628,897
Geran Pembangunan Dilunaskan	(236,929)	(237,914)
Baki pada 31 Disember	<u>14,154,054</u>	<u>14,390,983</u>
<b>b) Program Pembangunan Sumber Manusia</b>		
Baki pada 31 Disember	<u>40,797</u>	<u>40,797</u>
<b>c) Program Penyelidikan dan Konsultasi</b>		
Baki pada 1 Januari	2,061,441	2,107,291
Geran Pembangunan Dilunaskan	(32,842)	(45,850)
Baki pada 31 Disember	<u>2,028,599</u>	<u>2,061,441</u>
<b>d) Pengurusan ICT</b>		
Baki pada 1 Januari	636,489	750,769
Geran Pembangunan Dilunaskan	(25,652)	(114,280)
Baki pada 31 Disember	<u>610,837</u>	<u>636,489</u>
<b>e) Program Pembangunan Koperasi</b>		
Baki pada 1 Januari / 31 Disember	<u>42,435</u>	<u>42,435</u>
<b>Jumlah</b>	<b><u>16,876,722</u></b>	<b><u>17,172,145</u></b>

## 11. GERAN PEMBANGUNAN & AMANAH (Sambungan)

### Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Amanah Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2020

	IKM	
	2020 RM	2019 RM
Baki pada 1 Januari	853,872	1,206,086
Tambah:		
Terimaan Tahun Semasa	715,027	257,971
Perbelanjaan Tahun Semasa	(331,316)	(610,185)
(Kurangan) / Lebihan Tahun Semasa	383,711	(352,214)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>1,237,583</b>	<b>853,872</b>

#### Kedudukan Penyata Bagi Setiap Program

	IKM	
	2020 RM	2019 RM
<b>a) Program MTCP</b>		
Baki pada 1 Januari	8,134	240,720
Terimaan Tahun Semasa	-	179,999
Perbelanjaan Tahun Semasa	-	(412,585)
Baki pada 31 Disember	<b>8,134</b>	<b>8,134</b>
<b>b) Akaun Pelajar</b>		
Baki pada 1 Januari	104,296	104,296
Perbelanjaan Tahun Semasa (Alumni & seminar pelajar)	-	-
Baki pada 31 Disember	<b>104,296</b>	<b>104,296</b>
<b>c) Akaun Pinjaman i-MKM</b>		
Baki pada 1 Januari	697,482	861,070
Terimaan Bayaran Balik Biasiswa	11,045	12,584
Lain - lain Terimaan	3,982	2,988
Perbelanjaan Tahun Semasa:		
Penyaluran Dana Pinjaman/Biasiswa	(106,048)	-
Elaun SLKK	-	(179,160)
Bayaran Caj ke Bank Rakyat	(112)	-
Baki pada 31 Disember	<b>606,350</b>	<b>697,482</b>



## 11. GERAN PEMBANGUNAN & AMANAH (Sambungan)

### Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Amanah Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2020 (Sambungan)

<b>d) Geran Taska</b>		
Baki pada 1 Januari	43,960	-
Terimaan Tahun Semasa	-	62,400
Perbelanjaan Tahun semasa	(43,960)	(18,440)
Baki pada 31 Disember	<u>-</u>	<u>43,960</u>
<b>e) Perasmian Kolej Icoop</b>		
Terimaan Tahun Semasa	<u>300,000</u>	<u>-</u>
Baki pada 31 Disember	<u>300,000</u>	<u>-</u>
<b>f) Program Keusahawanan Koperasi (PENJANA)</b>		
Terimaan Tahun Semasa	400,000	-
Perbelanjaan Tahun semasa	(181,197)	-
Baki pada 31 Disember	<u>218,803</u>	<u>-</u>
<b>Jumlah</b>	<u>1,237,583</u>	<u>853,872</u>

## 12. MANFAAT PEKERJA

	IKM	
	2020 RM	2019 RM
<b>a) Peruntukkan Manfaat Persaraan GCR</b>		
Baki pada 1 Januari	2,239,267	1,925,005
Peruntukkan Tahun Semasa	379,064	377,910
Pelunasan Tahun Semasa	(78,036)	(63,648)
Baki Pada 31 Disember	<u>2,540,295</u>	<u>2,239,267</u>
<b>b) Peruntukkan Manfaat Kesihatan Kakitangan</b>		
Baki pada 1 Januari		
Peruntukkan Tahun Semasa	506,275	442,114
Baki Pada 31 Disember	<u>26,050</u>	<u>64,161</u>
	<u>532,325</u>	<u>506,275</u>
<b>Jumlah (a) + (b)</b>	<u>3,072,620</u>	<u>2,745,542</u>

Struktur kematangan peruntukan bagi Manfaat Pekerja selepas persaraan adalah matang dalam tempoh melebihi 12 bulan.

### 13. DANA REZAB

	IKM	
	2020 RM	2019 RM
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	1,927,917	858,565
Peruntukkan Tahun Semasa	868,491	1,069,352
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b><u>2,796,408</u></b>	<b><u>1,927,917</u></b>

Pihak Lembaga IKM melalui Mesyuarat Lembaga Bil.2.2021 pada 21 Jun 2021 telah meluluskan peruntukan Dana Rezab Bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2021 sebanyak 100% daripada sumber pendapatan dalaman IKM.

### 14. YURAN

	KUMPULAN		IKM	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Yuran Pengajian-Ijazah dan Diploma (Jangka Panjang)	505,156	1,087,987	-	-
Yuran Pendaftaran Kursus dalam (Jangka Pendek)	320,068	1,206,104	320,068	1,206,104
Master Debit Card	900,000	-	-	-
	<b><u>1,725,224</u></b>	<b><u>2,294,091</u></b>	<b><u>320,068</u></b>	<b><u>1,206,104</u></b>

### 15. PELBAGAI TERIMAAN

	KUMPULAN		IKM	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Pelbagai Penerimaan	72,347	332,085	50,018	295,146
Jualan Bahan Bercetak	3,565	5,272	3,565	5,272
Bayaran perkhidmatan pinjaman Kenderaan & Komputer	6,585	8,800	6,585	8,800
	<b><u>82,497</u></b>	<b><u>346,157</u></b>	<b><u>60,168</u></b>	<b><u>309,218</u></b>

## 16. KOS KAKITANGAN

	KUMPULAN		IKM	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
<b>Gaji dan Emolumen:</b>				
Gaji dan upah	10,502,275	10,219,995	9,554,497	9,385,939
Elaun Tetap	2,595,309	2,465,937	2,595,309	2,465,937
Elaun Lebih Masa	44,633	80,461	44,633	80,461
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	275,489	274,651	275,489	274,651
<b>Skim Sumbangan Ditakrifkan:</b>				
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	1,646,838	1,605,129	1,646,838	1,605,129
	<b>15,064,544</b>	<b>14,646,173</b>	<b>14,116,766</b>	<b>13,812,117</b>
Bilangan kakitangan (orang) pada 31 Disember	244	226	205	207

## 17. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	KUMPULAN		IKM	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	793,941	1,266,841	793,941	1,266,841
Pengangkutan Barangan	5,134	33,213	5,134	33,213
Perhubungan dan Utiliti	927,531	1,100,013	927,531	1,100,013
Sewaan	1,838,121	2,763,577	1,838,121	2,133,074
Bahan-Bahan Makanan dan Minuman	17,322	103,688	17,322	103,688
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan	110,989	195,630	110,989	195,630
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	824,381	1,082,735	824,381	1,082,735
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	2,189,839	2,292,470	2,189,839	2,292,470
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Dibeli dan Hospitaliti	5,004,046	4,763,264	5,004,046	4,751,264
Perbelanjaan Geran Pembangunan	364,158	45,850	364,158	45,850
Belanja Pentadbiran	1,256,944	1,275,753	-	-
	<b>13,332,406</b>	<b>14,923,034</b>	<b>12,075,462</b>	<b>13,004,778</b>

## 18. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN

	KUMPULAN		IKM	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
Pemberian Dalam Negeri	6,683	6,703	6,683	6,703
Cukai tanah, Cukai Pintu, Premium dll	508,843	347,834	367,895	290,564
Nilai Semasa Aliran Tunai Masa Hadapan				
Pinjaman Qardhul Hasan	143,742	145,751	143,742	(50,567)
	<b>659,268</b>	<b>500,288</b>	<b>518,320</b>	<b>246,700</b>

## 19. PENDEDAHAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Lembaga Pengarah IKM adalah mereka yang terlibat secara langsung dalam merangka dan mengawal dasar ke atas semua aktiviti Kumpulan dan IKM manakala pengurusan tertinggi terdiri daripada Ketua Pengarah dan Timbalan yang merupakan penggerak utama dalam memastikan setiap dasar atau aktiviti yang dirangka dapat dilaksanakan. Ganjaran kepada Lembaga Pengarah IKM dan Pengurusan Tertinggi IKM adalah seperti berikut;

	IKM	
	2020 RM	2019 RM
Lembaga Pengarah IKM	290,197	231,926
Pengurusan Tertinggi IKM	512,506	583,127
	<b>802,703</b>	<b>815,053</b>

## 20. INSTRUMEN KEWANGAN

### (a) Objektif dan Polisi Risiko Pengurusan Kewangan

Kegiatan IKM terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko kredit, risiko kecairan dan risiko aliran tunai. Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan secara keseluruhan adalah bertujuan memaksimumkan pulangan kepada IKM.

## 20. INSTRUMEN KEWANGAN (Sambungan)

### (b) Risiko Kewangan

Pengurusan risiko kewangan dilakukan melalui penyemakan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada pengurusan kewangan. Ahli Lembaga sentiasa menyemak dan memantau risiko-risiko ini.

### (c) Risiko Kredit

Risiko kredit, atau risiko pihak ketiga gagal membayar, dikawal dengan penerapan tatacara kelulusan kredit, had dan pengawasan yang ketat. Risiko kredit diminimumkan dan diawasi secara ketat dengan menghadkan kerjasama IKM dengan rakan perniagaan yang mempunyai kepercayaan kredit yang tinggi. Penghutang diawasi secara berterusan melalui tatacara pelaporan pengurusan IKM.

IKM tidak mempunyai pendedahan yang besar terhadap mana-mana pelanggan individu atau pihak ketiga mahupun sebarang penumpuan besar bagi risiko kredit yang berkaitan dengan sebarang instrumen kewangan.

### (d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

IKM mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi dan menyediakan dana yang cukup bagi memenuhi anggaran komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan. Profil kematangan liabiliti kewangan IKM pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak seperti jadual di bawah ;

	KUMPULAN		IKM	
	2020 RM	2019 RM	2020 RM	2019 RM
<b>Kurang 12 Bulan:</b>				
Pelbagai Pemiutang	1,382,984	1,072,450	36,666	26,774
Lain-lain yang belum dibayar	5,262,761	2,926,569	4,991,866	2,832,045
<b>Jumlah</b>	<b>7,095,745</b>	<b>3,999,019</b>	<b>5,028,532</b>	<b>2,858,819</b>

## 20. INSTRUMEN KEWANGAN (Sambungan)

### (e) Risiko Kadar Hibah

Kumpulan dan IKM meminimumkan pendedahan kepada risiko kadar hibah ke atas penempatan deposit tetapnya dengan tidak berurusniaga dalam mana-mana pertukaran kadar hibah.

#### Pendedahan Kepada Risiko Kadar Faedah;

Profil kadar hibah instrumen kewangan menanggung faedah ketara Kumpulan dan IKM, berdasarkan jumlah dibawa pada akhir tempoh pelaporan adalah:

KUMPULAN		IKM	
2020	2019	2020	2019
RM	RM	RM	RM

#### Instrumen Kadar Tetap Aset Kewangan:

Deposit Dengan Bank Berlesen

14,874,622 8,950,112 14,700,00 8,900,000

#### Analisis Kepekaan Nilai Saksama Bagi Instrumen Kadar Tetap :

IKM tidak mengambil kira bagi sebarang aset dan liabiliti kewangan kadar tetap pada nilai saksama melalui penyata pendapatan dan perbelanjaan. Oleh itu, perubahan dalam kadar hibah pada akhir tempoh tidak akan menjejaskan penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Maklumat berkenaan perubahan dalam kadar hibah pada akhir tahun adalah seperti berikut ;

2020		2019	
Kadar Hibah Berkesan	Dalam Tempoh 1 Tahun	Kadar Hibah Berkesan	Dalam Tempoh 1 Tahun
%	RM	%	RM

Instrumen  
Kadar Tetap  
Aset Kewangan:  
Deposit Dengan  
Bank Berlesen

3.40 14,700,000 3.40 8,900,000

## 20. INSTRUMEN KEWANGAN (Sambungan)

### (f) Nilai Saksama

Pada pandangan Ahli Lembaga, tiada perbezaan penting antara nilai saksama dengan nilai buku bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan oleh sebab tempoh matang jangka pendek instrumen kewangan tersebut.

## 21. LIABILITI LUAR JANGKA

Liabiliti luar jangka bagi syarikat subsidiari (**MKM GLOBAL HOLDINGS SDN BHD**) yang mana melibatkan tuntutan oleh pihak ketiga iaitu Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB). Tuntutan yang dibuat oleh KTMSAB adalah melibatkan kos pengubahsuaian premis yang berjumlah RM3,073,709.79. Mesyuarat Lembaga IKM Bil 2/2021 pada 29 Julai 2021 telah memutuskan supaya tiada bayaran dibuat kepada tuntutan tersebut dan membuka ruang penyelesaian melalui mahkamah.

## 22. KESAN PANDEMIK COVID-19

Lanjutan pandemik Covid-19 dan ketidakpastian perkara ini akan berakhir dalam masa terdekat, maka IKM telah mengambil langkah segera bagi menangani pandemik ini. Pada tahun 2020 IKM telah mengambil langkah drastik dengan menaiktaraf infrastruktur ICT termasuk talian internet dan rangkaian di Ibu Pejabat dan juga semua Zon, hal ini bagi memastikan perjalanan program yang ditukar dari bersemuka kepada atas talian tidak terjejas. Perubahan kepada mod program juga telah dipersetujui melalui Jawatankuasa Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan supaya kaedah program ditukar berdasarkan kepada arahan semasa berkuatkuasa oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Program IKM 2020 tetap diteruskan melalui dua kaedah iaitu kaedah secara bersemuka bagi Zon yang tiada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) manakala kaedah atas talian bagi Zon yang berada di dalam Zon PKP. Melalui perubahan mod program 2020 kepada atas talian, dapat dilihat bahawa berlaku peningkatan bilangan peserta untuk tahun 2020 berbanding tahun 2019. Jumlah peserta yang mengikuti program secara atas talian dan juga bersemuka di IKM pada tahun 2020 berjumlah 107,637 manakala pada tahun 2019 hanya berjumlah 38,590 sahaja. Pada tahun 2020 hampir 76.55% peserta mengikuti program secara atas talian iaitu 82,394 manakala secara bersemuka 23.55% atau 25,243 peserta. IKM akan meneruskan program secara atas talian ini sehingga pandemik ini berakhir namun akan dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada arahan yang dikeluarkan oleh MKN.








**HALA TUJU**

# HALA TUJU IKM



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN GERAKAN KOPERASI

- Pembangunan Pelan Modal Insan Gerakan Koperasi Negara
- Penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia
- Pindaan Akta Institut Koperasi (Pemerbadanan) Malaysia 1995 Akta 1589
- Pembudayaan Memasyarakatkan Koperasi

## PEMBANGUNAN ORGANISASI

- *Employability*
- *Loyalty*
- Penstrukturan Semula Organisasi
- Infrastruktur Kondusif sebagai Pusat Latihan Koperasi

## KEUSAHAWANAN KOPERASI

- Lonjakan Pendapatan Koperasi
- *Business Coaching & Mentoring*
- Penjenamaan Produk & Akses Pasaran
- Bimbingan Perniagaan Bersama Pakar Rujuk Industri